

“KITA perlu mengorak langkah lebih pantas untuk mengatasi jika ada sebarang kelambatan atau kegagalan kita mencapai sasaran. Kerana kelambatan atau kegagalan itu sangat buruk akibatnya kepada negara.”
- Titah di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keenam Majlis Mesyuarat Negara (MMN), bertempat di Bangunan Dewan MMN pada 25 Rabiulawal 1431 Hijrah / 11 Mac 2010 Masihi.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

“OLEH itu janganlah kamu takut kepada manusia tetapi takutlah kepadaKu dan janganlah pula kamu menggunakan ayat-ayatKu sebagai harga untuk membeli kelebihan-kelebihan yang sedikit faedahnya. Sesiapa yang tidak menetapkan hukum mengikut apa yang telah diturunkan oleh Allah maka mereka itulah orang-orang kafir.”
- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Maa-idah ayat 44).

Bersatu padu mendukung pelaksanaan Kanun Jenayah Syar'iah:

Hormati kami sebagaimana kami menghormati kalian

Laporan : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menegaskan pelaksanaan Kanun Jenayah Syar'iah adalah satu aspek kemajuan besar bukannya seperti yang didakwa oleh setengah pihak sebagai kolot atau berundur ke belakang.

Dalam hubungan ini, tegas Kebawah Duli Yang Maha Mulia, selaku orang Brunei usahlah dihiraukan sangat apa orang lain kata tentang kita di Brunei kerana mereka itu bukan cukup tahu sebagaimana kita sendiri tahu tentang diri kita dan negara sendiri. Tetapi yang penting kita sendiri selaku orang Brunei mestilah benar-benar menjadi orang Brunei apabila kita bersatu, maka bersatulah selaku orang-orang Brunei. Bersatu tanpa mengira apa jua suku kaum dan pegangan.

“Bernegaralah selaku orang-orang Brunei bernegara. Kita berkerajaan maka berkerajaanlah selaku orang-orang Brunei berkerajaan. Kita beraja atau berketua maka beraja atau berketualah selaku orang-orang Brunei beraja atau berketua. Iaitu dengan penuh taat setia tanpa berbelah bahagi,” titah Kebawah DYMM semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN), hari ini, yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN di Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan.

Bila menyebut tentang perpaduan, titah baginda lagi, inilah masanya kita orang-orang Brunei perlu mempamerkan perpaduan kita kerana perpaduan itu adalah benteng dan kekuatan semula jadi.

“Inilah tanggungjawab kita semua atas nama rakyat Brunei Darussalam iaitu bersatu padu untuk mendukung dan menyokong pelaksanaan Kanun Jenayah Syar'iah. Kepada mereka yang di luar Brunei pula tolonglah hormati kami sebagaimana kami menghormati mereka,” tegas baginda lagi.

Baginda juga berharap MMN Musim Kesepuluh ini akan dapat berlangsung dengan licin dan sempurna serta mampu untuk mencapai objektifnya.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Jalan Dewan Majlis.
- Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

Peruntukan tambahan BND1.65 bilion diperkenankan

Laporan : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Hernie Suliana Haji Othman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Mac. - Peruntukan tambahan sejumlah BND1.65 bilion telah diperkenankan bagi projek-projek baru yang dipohonkan oleh kementerian dan jabatan dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-10.

Keseluruhan Peruntukan RKN Ke-10 yang berjumlah BND6.5 bilion telah pun diagih-agihkan untuk pelbagai projek kemajuan, namun pada setiap tahun, perbelanjaan adalah melebihi Anggaran Peruntukan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan

Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mengumumkan peruntukan tambahan tersebut semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN), yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN di Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan.

“Adalah menjadi dasar Kerajaan beta untuk terus meningkatkan aktiviti perekonomian di negara ini, termasuk berusaha bagi menarik pelaburan langsung asing. Bagi maksud

tersebut, pihak kerajaan telah pun menyediakan tapak-tapak yang sesuai untuk pelaburan besar meliputi bagi kemudahan infrastruktur yang diperlukan,” titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Ke muka 16



Muka 3

MEMPERKASA pedagogi guru matematik

MAKLUMAN

Tambahan Terbitan PB sempena Majlis Mesyuarat Negara yang Ke-10



BERSEMPENA dengan Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang dirasmikan pada 6 Mac 2014, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam menambah hari penerbitan Akhbar Rasmi Kerajaan - PELITA BRUNEI - pada hari Selasa dan hari Khamis iaitu sepanjang persidangan berlangsung.

Ianya adalah sebagai tambahan kepada penerbitan PELITA BRUNEI yang sedia ada iaitu pada setiap hari Isnin, Rabu dan Sabtu - Ketua Bahagian PELITA BRUNEI.

Aktiviti perekonomian terus ditingkatkan

Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillaahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihie Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya
Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu
'Ala Asyara'il Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala
Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua dapatlah Istiadat Pembukaan Rasmi bagi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN) berlangsung dengan sempurna.

Persidangan MMN sudah 10 tahun bersidang sejak ianya diwujudkan semula. Di dalam tempoh tersebut banyaklah isu dan persoalan yang timbul untuk dibincang atau dibahaskan.

Namun semenjak dari tempoh itu, kecenderungan banyak berkisar menimbulkan isu-isu yang berkaitan dengan kemudahan dan kesejahteraan para pegawai dan kakitangan kerajaan sahaja berbanding cuma sedikit tumpuan diberikan kepada kesejahteraan para pekerja di sektor swasta. Padahal, bagi hemat beta melalui perkembangan dan produktiviti di sektor swasta itu dapat diharapkan untuk menyumbang kepada peningkatan sosioekonomi di negara ini.

Atas anggapan inilah Kerajaan beta, sentiasa melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memperbaiki lagi iklim pelaburan dan perniagaan di negara ini sambil memastikan kesejahteraan pekerja-pekerja tempatan di sektor swasta adalah mendapat perhatian sewajarnya. Antara langkah-langkah ke arah itu ialah Penubuhan Tabung Amanah Pekerja, Skim Persaraan Caruman Tambahan, pewujudan Skim Tabungan Perumahan dan sebagainya. Malahan, langkah kerajaan juga telah mengemaskinikan dan mengurangkan kadar cukai eksais bagi beberapa kenderaan yang berkapsiti rendah untuk tujuan mengurangkan kos sara hidup dan juga untuk faedah golongan yang berpendapatan rendah.

Dengan trend perniagaan dan perdagangan, dunia hari ini, para belia kita sangatlah perlu meningkatkan diri sendiri dari segi kemahiran dan ilmu pengetahuan dengan kemahiran dan pengetahuan yang tinggi. Insya-Allah, mereka akan menjadi lagi lebih kreatif dan mampu untuk bersaing. Oleh itu, perbincangan di dewan ini perlulah juga untuk turut memikirkan isu-isu strategik seperti ini.

Dalam hal ini, beta gembira dengan usaha yang diambil oleh Kementerian Pendidikan dan agensi-agensi lain dalam kerajaan untuk meningkatkan lagi tahap literasi bisnes kepada para belia dan penuntut dengan menerapkan unsur-unsur *entrepreneurship* di dalam kurikulum pendidikan di negara ini. Memang sudah tiba masanya untuk negara melahirkan ramai lagi ahli perniagaan yang berjaya di kalangan anak-anak tempatan.

Negara kita, Alhamdulillah, mempunyai *advantage* yang sangat unik. *Advantage* itu ialah dalam bentuk keamanan dan kesejahteraan yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita.

Sewajarnya, keamanan dan kesejahteraan itu terus dipupuk dan dipelihara demi pembangunan kerana tanpa keamanan,

pembangunan tidak akan dapat berjalan dengan lancar dan baik.

Kita mustahak membangun tanpa semata-mata bergantung kepada hasil eksport minyak dan gas kita.

Kerana walaupun Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), meramalkan pertumbuhan ekonomi global yang lebih baik bagi tahun 2014, namun masih sahaja terdapat risiko yang boleh menjejaskan ekonomi di mana saja. Tidak terkecuali negara-negara di rantau ini.

Bagi negara kita, kerajaan akan terus mengukuhkan stabiliti mikroekonomi melalui perbelanjaan berhemah yang mengutamakan *value for money* dan *accountability*. Di samping itu, usaha untuk mempelbagaikan aktiviti perekonomian juga adalah menjadi keutamaan negara. Maka untuk itu Perkhidmatan Awam perlulah melipatgandakan usaha bagi menjadikan negara ini pro bisnes terutama untuk membantu perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana.

Sejak dua tahun ke belakang ini, pelaksanaan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-10 adalah berjalan dengan rancaknya. Beta dimaklumkan bahawa keseluruhan Peruntukan RKN Ke-10 yang berjumlah BND6.5 bilion itu, telah pun diagih-agihkan untuk berbagai projek kemajuan. Namun pada setiap tahun, perbelanjaan adalah melebihi Anggaran Peruntukan.

Maka kerana itu, beta telah pun memperkenankan sokongan Jawatankuasa Tertinggi RKN Ke-10 bagi satu tambahan kepada harga rancangan berjumlah BND1.65 bilion. Peruntukan tambahan ini adalah untuk membiayai projek-projek baru yang dipohonkan oleh kementerian dan jabatan.

Adalah menjadi dasar Kerajaan beta untuk terus meningkatkan aktiviti perekonomian di negara ini, termasuk berusaha bagi menarik pelaburan langsung asing.

Bagi maksud tersebut, pihak kerajaan telah pun menyediakan tapak-tapak yang sesuai untuk pelaburan besar meliputi bagi kemudahan infrastruktur yang diperlukan.

Bagaimanapun, setiap perancangan itu adalah memerlukan pelaksanaan. Jika pelaksanaan itu tersasar atau tidak menepati jangka masa yang ditentukan maka puncanya hendaklah dikenal pasti dan difikirkan penyelesaiannya.

Dalam hubungan ini, penubuhan satu unit baru telah pun beta perkenankan di Jabatan Perdana Menteri. Ia akan berperanan bagi mengenal pasti bidang-bidang utama yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan melalui agensi-agensi tertentu. Ia juga akan bekerjasama dengan agensi-agensi tersebut dalam merangka perancangan, memantau pelaksanaan dan juga menawarkan khidmat nasihat serta bantuan dari masa ke semasa.

Pada bulan Januari yang baru lalu, kita telah berhadapan dengan cuaca hujan yang turut menjejaskan sebahagian rakyat dan penduduk di negara ini. Sebagai respons spontan, Kerajaan beta telah pun menyediakan peruntukan sejumlah BND68 juta khusus bagi projek-projek metagasi banjir di kawasan-kawasan yang terjejas. Di samping itu, peruntukan tambahan juga sebanyak BND35 juta telah disediakan bagi projek-projek membaiki pulih prasarana awam dan aset-aset kerajaan yang rosak akibat banjir dan tanah susur.

Satu lagi projek utama negara ialah pelaksanaan Kanun Jenayah Syar'iah. Pelaksanaan undang-undang ini juga adalah



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada hari Khamis, 4 Jamadilawal 1435 Hijriah bersamaan 6 Mac 2014 Masihi, bertempat di Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

satu aspek *kemajuan besar*, bukannya seperti yang didakwa oleh setengah pihak sebagai kolot atau berundur ke belakang.

Di sini, ingin beta menyebut tentang *perpaduan*. Inilah masanya kita orang-orang Brunei perlu mempamerkan perpaduan kita kerana perpaduan itu adalah benteng dan kekuatan semula jadi.

Usahlah dihiraukan sangat apa orang lain kata tentang kita di Brunei kerana mereka itu bukan cukup tahu sebagaimana kita sendiri tahu tentang diri kita dan negara sendiri. Tetapi yang penting kita sendiri selaku orang Brunei mestilah benar-benar menjadi orang Brunei.

Apabila kita bersatu, maka bersatulah selaku orang-orang Brunei. Bersatu tanpa mengira apa jua suku kaum dan pegangan. Bernegaralah selaku orang-orang Brunei bernegara. Kita berkerajaan maka berkerajaanlah selaku orang-orang Brunei berkerajaan. Kita beraja atau berketua maka beraja atau berketualah selaku orang-orang Brunei beraja atau berketua. Iaitu dengan penuh taat setia tanpa berbelah bahagi.

Inilah tanggungjawab kita semua atas nama rakyat Brunei Darussalam iaitu bersatu padu untuk mendukung dan menyokong pelaksanaan Kanun Jenayah Syar'iah. Kepada mereka yang di luar Brunei pula tolonglah hormati kami sebagaimana kami menghormati mereka.

Akhirnya, beta berharap MMN Musim Kesepuluh ini akan dapat berlangsung dengan lincin dan sempurna serta mampu untuk mencapai objektifnya.

Sekian. Wabillahit Taufeq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dari Sidang
Pengarang.

8 MAC 2014 BERSAMAAN 1435 جمادى الأول 6

RAKYAT PERLU BERSATU PADU

PELAKSANAAN Perintah Kanun Jenayah Syar'iah 2013 merupakan usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjamin kemakmuran, keamanan dan perpaduan dalam kehidupan seharian di negara yang kita cintai ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN) menegaskan bahawa projek utama negara iaitu pelaksanaan Kanun Jenayah Syar'iah adalah satu aspek kemajuan besar, bukannya seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak sebagai kolot atau berundur ke belakang.

Sehubungan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga menegaskan selaku orang Brunei usahlah hiraukan sangat apa orang lain kata tentang kita di Brunei kerana mereka itu bukan cukup tahu sebagaimana kita sendiri tahu tentang diri kita dan negara sendiri.

Baginda bertitah menegaskan: "Inilah tanggungjawab kita semua atas nama rakyat Brunei Darussalam iaitu bersatu padu untuk mendukung dan menyokong pelaksanaan Kanun Jenayah Syar'iah. Kepada mereka yang di luar Brunei pula tolonglah hormati kami sebagaimana kami menghormati mereka."

Sementara itu, pada Istiadat Pembukaan Rasmi bagi Mesyuarat Pertama bagi Musim Permesyuaratan ke-10 MMN, Kebawah DYMM telah memperkenankan sokongan Jawatankuasa Tertinggi Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 bagi satu tambahan kepada harga rancangan berjumlah BND1.65 bilion untuk membiayai projek-projek baru yang dipohonkan oleh kementerian dan jabatan.

Baginda juga memperkenankan penubuhan satu unit baru di Jabatan Perdana Menteri yang akan berperanan mengenal pasti bidang utama yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan melalui agensi tertentu dan akan bekerjasama dengan agensi-agensi tersebut dalam merangka perancangan dengan memantau pelaksanaan dan menawarkan khidmat nasihat serta bantuan dari semasa ke semasa.

Dalam titah tersebut baginda turut menyentuh mengenai bencana banjir yang berlaku pada Januari lalu yang menjejaskan sebahagian rakyat dan penduduk di negara ini. Atas respons spontan Kerajaan baginda telah menyediakan peruntukan sejumlah BND68 juta khusus bagi projek-projek metigasi banjir di samping peruntukan tambahan sebanyak BND35 juta bagi projek-projek membaiki pulih prasarana awam dan aset-aset kerajaan yang rosak akibat banjir dan tanah susur.

Persidangan MMN yang sudah bersidang selama 10 tahun sejak ia diwujudkan semula, jelas titah baginda, telah banyak isu dan persoalan yang timbul untuk dibincang atau dibahaskan namun lebih cenderung berkisar menimbulkan isu-isu yang berkaitan kemudahan dan kesejahteraan para pegawai kerajaan sahaja berbanding cuma sedikit tumpuan diberikan kepada kesejahteraan para pekerja di sektor swasta. Oleh itu, menurut baginda melalui perkembangan dan produktiviti di sektor swasta akan dapat diharap untuk menyumbang kepada peningkatan sosioekonomi di negara ini.

Oleh yang demikian, kita berharap melalui permesyuaratan ini ahli-ahli perwakilan rakyat MMN akan dapat mengemukakan hujah dan persoalan yang diperoleh daripada rakyat dan penduduk di negara ini lalu dibincangkan serta diberi penjelasan daripada ahli-ahli kerajaan MMN sepanjang persidangan berlangsung. — **Ketua Penyuntingan. (Rd)**

SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Haji Aliddin Haji Moktal,
Ak. Jeffery Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed,
Aryentyt Haji Arifin

Ketua Penyuntingan

Ali Termizzi Haji Ramlli / Haji Ramli,
Hajah Zabaidah Haji Salat,
Mohammad Rainie Haji Durani

Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanih Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Jurainah Haji Jait,
Nornasyirah Nordin

Penyuntingan

Haji Sahari Akim,
Samle Haji Jait,
Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Zawiyatun Ni'mah Mohd. Akir

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Mohammad bin Kahar,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

PUSAT PEMEDULIAN PELANGGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
140

ELEKTRIK
144

NDMC
2380214

Raman Cusca Tiga Hari		
SABTU	AHAD	ISNIN
BANDAR SERI BEGAWAN		
30 °C MUARA	25 °C 31 °C	25 °C 31 °C
30 °C PEKAN BANGAR	26 °C 31 °C	26 °C 31 °C
30 °C PEKAN TUTONG	25 °C 31 °C	25 °C 31 °C
30 °C PEKAN SERIA	25 °C 31 °C	25 °C 31 °C
30 °C KUALA BELAIT	25 °C 31 °C	24 °C 31 °C
Walaupun Cusca		
Sumber : Perkhidmatan Kijal Cusca Brunei Darussalam Jabatan Penerangan Awam Telefon : 2330142 sembang 1888/1551 atau Talian Cusca : 114		

Memperkasa pedagogi guru matematik



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menyaksikan penyerahan Memorandum Persefahaman antara Kementerian Pendidikan dan Institute Marshall Cavendish Singapore.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Masri Osman

Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

katkan kemahiran pedagogi mereka.

Ia juga bertujuan meningkatkan kemahiran profesional guru bagi membolehkan mereka menjadi dinamik, kreatif dan proaktif ke arah pengajaran dan pembelajaran matematik yang berkesan di dalam kelas bagi meningkatkan pencapaian pelajar.

Program ini juga dihasratkan meningkatkan tahap kecekapan guru dalam KPI pengajaran matematik agar murid-murid dapat mencapai gred yang lebih baik.

Empat elemen penting yang terkandung dalam program itu, ialah keberkesanan kajian terhadap ketua guru, guru dan pelajar; pembangunan profesional guru matematik darjah rendah dan menengah; pembangunan bahan cetak kurikulum untuk Tahun 1 hingga Tahun 6; dan perbincangan mengenai kurikulum.

Sasaran bagi program ini melibatkan seramai 550 guru pendidikan rendah dan 150 guru pendidikan menengah serta pegawai-pegawai yang berkaitan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Mac. - Kementerian Pendidikan dan Institute Marshall Cavendish Singapore, petang tadi, menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dan mengadakan Sesi Kongsisama Projek Inisiatif Numerasi serta Memperkasa Pedagogi Guru-Guru Matematik Sekolah Rendah dan Menengah, berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Pemangku Pengarah Perkembangan Ko-Kurikulum Kementerian Pendidikan, Awang Haji Zulkifli bin Haji Muhammad Yusuf menandatangani MoU tersebut bagi pihak Kementerian Pendidikan, manakala Institute Marshall Cavendish Singapore diwakili oleh Ketua Kumpulan, Times Publishing Limited Singapore, Puan Lee Fei Chen.

Majlis Penandatanganan tersebut disaksikan oleh Menteri Pendidikan, Yang

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail; Duta Besar Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Jaya Ratnam; Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman; Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh; Ketua Pengarah Jabatan Perancang dan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Dr. Hajah May Fae'zah binti Haji Ahmad Ariffin serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan.

Projek Inisiatif Numerasi bertujuan untuk meningkatkan pedagogi guru-guru matematik sekolah rendah dan menengah.

Antara objektif program ini adalah untuk menentukan tahap kompetensi pengetahuan guru matematik sekolah rendah dan menengah sekali gus mening-

SMSA adakan orientasi pelajar baru

Oleh :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
Foto : Ihsan SMSA

KUALA BELAIT, Selasa, 4 Mac. - Sekolah Menengah Sayyidina Ali (SMSA) telah mengadakan orientasi bagi 216 pelajar baru Pra Universiti Sesi 2014-2015.

Orientasi tiga hari bertema 'City of Heroes versus City of Villains' dianjurkan bersama Majlis Pelajar, Pengawas dan juga Pemimpin Rakan Sebaya diadakan di Dewan Serbaguna sekolah itu.

Pelajar-pelajar yang mengikuti orientasi dibahagikan kepada 16 pasukan merangkumi lapan pasukan dalam 'Heroes' dan setiap kumpulan bernama Mr. Incredible, Zorro, Hercules, MadHatter, G.I Joe, Buzz Light Year, The Mask dan Adventure Time.

Manakala lapan pasukan 'V' dinamakan Vendetta, Dracula, Darth Vader, Ror, Loki, Two Face, King Candy dan Umbrella Corp.

Setiap pasukan dipimpin oleh seorang pemimpin pelajar yang bertanggungjawab untuk menyampaikan arahan kepada ahli-ahli mereka dan juga untuk memastikan orientasi berjalan lancar dengan dibantu oleh 67 pelajar Enam Atas yang secara sukarela mengambil bahagian dalam orientasi untuk membantu kapten pasukan (pemimpin pelajar).

Hari pertama orientasi, permainan kebanyakan boleh membantu pelajar-pelajar untuk keluar daripada zon selesa mereka seperti mewujudkan komersial untuk mewakili pasukan mereka. Satu permainan yang dinamakan 'Lindungi Saya'. Dalam permainan itu, setiap pasukan diberikan tiga belon sebagai kehidupan mereka. Tugas mereka adalah untuk melindungi belon daripada dipecahkan oleh pasukan lawan dan menarik ahli pasukan lawan sebanyak yang boleh untuk menyertai pasukan mereka.

Pasukan yang banyak ahli dan belon,

memenangi permainan tersebut yang menekankan kerja berpasukan, sikap bangga, bertanggungjawab dan komited serta proaktif.

Hari kedua orientasi, 15 minit pertama telah digunakan untuk menjelaskan mengenai enam nilai teras sekolah dipanggil SCPHRR (Sense of Pride, Committed, Proactive, Honest, Respect & Responsibility), diikuti kemudian dengan 'Memburu Bintang SMSA'. Dalam acara tersebut, setiap kumpulan perlu melengkapkan sekurang-kurangnya tiga misi di stesen yang berbeza. Jika mereka berjaya dalam misi itu, mereka akan diberikan petunjuk utama dan jika tidak, kurang petunjuk.

Dalam acara 'Memburu Bintang SMSA', para pelajar perlu memikirkan siapa yang mereka pilih menjadi bintang melalui petunjuk dan memenangi King Candy jika membuat pilihan yang tepat sebagai bintang. Pemenang keseluruhan orientasi akan pergi ke City Of Villains kerana mereka mengumpul lebih banyak mata berbanding lawan mereka.

Hari terakhir orientasi, dimuatkan dengan ceramah mengenai CCA, pelajar baru yang mengikuti ceramah akan diberikan mata. Setiap pelajar wajib menyertai sekurang-kurangnya satu kelab untuk CCA dan digalakkan untuk mengumpul mata sebanyak mungkin sepanjang dua tahun mereka belajar di sekolah itu. Kaunter-kaunter pendaftaran kelab dibukakan dan para pelajar hendaklah mendaftarkan nama mereka di kelab yang mereka berminat untuk menyertai.

Pihak sekolah berharap pelajar-pelajar baru seronok mengikuti orientasi yang dianjurkan oleh senior mereka dan lakukan yang terbaik semasa belajar di sekolah itu.

Program tingkatan literasi, numerasi pelajar



KETUA Pengarah Pendidikan, Kementerian Pendidikan, Pengiran Hajah Sarah binti Pengiran Haji Kamaluddin menyampaikan hadiah kepada seorang pelajar cemerlang.

Berita dan Foto : Rohani Haji Abdul Hamid

MUARA, Selasa, 4 Mac. - Kementerian Pendidikan telah dan sedang melaksanakan beberapa inisiatif dalam usaha untuk mencapai visi iaitu menyediakan pendidikan berkualiti ke arah negara yang maju, aman dan makmur.

Di antara inisiatif kementerian berkenaan yang ada dalam Pelan Strategik 2012-2017 ialah menyediakan beberapa program untuk meningkatkan tahap literasi dan numerasi pelajar secara menyeluruh.

Ketua Pengarah Pendidikan, Kementerian Pendidikan, Pengiran Hajah Sarah binti Pengiran Haji Kamaluddin mengumumkan perkara pada Majlis Penyampaian Hadiah dan Sijil Pencapaian Akademik Cemerlang Dalam Peperiksaan BGCE 'O' dan 'A' Level bagi tahun 2013, berlangsung di Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara.

Menurut beliau, program E-Hijrah akan dapat

mendukung penggunaan ICT secara lebih berkesan, *talent pipe line* untuk memperkasa sumber tenaga manusia serta kapasiti *building* untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran sumber tenaga terutama guru-guru transformasi sekolah dan maktab vokasional dan teknikal.

"Dari inisiatif ini diharapkan dalam waktu yang terdekat kita dapat menyumbang untuk mengurangkan bilangan pelajar yang pengangguran, dapat kita bersaing dalam beberapa penilaian antarabangsa seperti PISA. Ia juga insya-Allah dapat menyumbang kepada merealisasikan Wawasan Negara 2035," ujar beliau

Katanya, guru merupakan tenaga pengajar yang berpendidikan dan berpengetahuan maka guru merupakan *role model*, yang mana tugas dan usaha serta peranannya dalam membentuk sesuatu atau cara bekerja dijadikan sebagai contoh dan tauladan.

Menurut beliau, guru yang efektif akan mempunyai sikap pemedulian yang tulus, suka dan menghargai pelajarannya, di samping menerima mereka dengan terbuka dan juga akan bersedia berkongsi tanggungjawab dan pelbagaian untuk membentuk individu serta menggalakkan kreativiti.



PELAJAR-PELAJAR SMSA yang menyumbangkan tenaga bagi menjayakan orientasi.

Kilang Hana Soy & World (B) dilancarkan



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar semasa menyampaikan ucapan.

TUTONG, Isnin, 3 Mac. - Produk dan Kilang Hana Soy & World (B) Sendirian Berhad yang menggunakan teknologi inovasi 'Mothersoy' dilancarkan secara rasmi berlangsung di Kompleks Industri Seramangun, di sini.

Pelancaran produk dan kilang tersebut disempurnakan oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Naib Presiden dan Pengarah

Hana Soya & World (B) Sendirian Berhad, Dayang Krisnadi binti Haji Osman dalam ucapan alu-aluannya berkata, perjanjian usaha sama yang ditandatangani pada 29 Mei 2013 telah menampakkan hasilnya.

Kilang ini jelasnya, menggunakan Platform Teknologi Inovatif Jepun yang dipanggil 'Mothersoy' yang mudah digunakan, berkhasiat, sihat dan halal.

Menurutnya, produk yang dihasilkan akan dijual untuk pasaran tempatan sebelum menceburi ke pasaran serantau apabila kapasiti kilang dan permintaan pasaran

meningkat.

Beliau menyatakan, dengan pemindahan teknologi ini, pihaknya menggunakan dua pakar dari Jepun yang mempunyai lebih daripada 20 tahun pengalaman dalam bidang ini.

Katanya, untuk menjamin matlamat pembinaan kapasiti manusia jangka panjang, pihaknya akan menugaskan kakitangan tempatan yang terbaik di pejabatnya yang berpangkalan di Jepun selama dua hingga tiga bulan untuk mempelajari budaya dan persekitaran kerja di Jepun.

Pada waktu yang sama jelasnya, Hana Soy akan

menjadi inkubator untuk memajukan kualiti tempatan dalam Industri Pemakanan di negara ini.

Pada masa ini tambahnya, Hana Soy mempunyai 80 peratus pekerja tempatan dan 20 peratus pekerja Jepun.

"Dalam masa dua tahun pelan perniagaan kami, kilang yang lebih besar bagi produk untuk dieksport akan dibina menggunakan Inovasi Koridor Bio. Kilang ini mampu menghasilkan pelbagai produk kacang soya menggunakan teknologi canggih untuk memenuhi standard antarabangsa untuk pasaran eksport," ujarnya.



LAWATAN ke kilang kacang soya dimulai dengan proses pencucian kacang soya, pengisaran, pembungkusan dan pensterilan dan seterusnya penyimpanan dalam peti yang berhawa dingin.

Oleh : Aryentty Haji Ariffin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Beliau menjelaskan, pada masa ini terdapat 1.9 bilion umat Islam di seluruh dunia dan terus meningkat pada kadar 2.5 peratus setahun yang turut menjadi sasaran kilang tersebut.

Tambahnya, Hana Soy merancang untuk bekerja melalui inovasi industri berasaskan soya, dari hulu ke hiliran, dari Kosmetik Halal kepada industri Farmaseutikal.

Teknologi tersebut yang mengeluarkan beberapa jenis produk kacang soya termasuk jenama minuman 'Suku Suku' merupakan produk buatan tempatan yang pertama menggunakan teknologi Jepun di bawah usaha sama Syarikat Hana Soy & World (B) Sendirian Berhad (HSWB).

Ia melibatkan projek usaha sama antara syarikat tenusu tempatan, Al-Hana Enterprise dan Soy & World International, syarikat pemakanan yang berpangkalan di Tokyo.

Kawasan kilang HSWB di Kompleks Industri Seramangun merupakan kawasan perindustrian di bawah kawalan Jabatan Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA), KPSSU.

Kilang memproseskan

berteknologi tinggi ini boleh mengeluarkan produk bernutrisi tinggi yang diperolehi daripada 100 peratus bahan kacang soya.

HSWB juga akan menghasilkan minuman soya Hana 'Suku Suku' daripada teknologi 'Mothersoy' yang akan dipersijilkan dengan GMP, HACCP, TQM dan logo Brunei Halal.

Juga hadir ialah Setiausaha Tetap KPSSU, Dayang Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri; Timbalan Setiausaha Tetap (Pembangunan Industri dan Keusahawanan), Awang Mohd. Riza bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunus; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pembangunan Sumber-Sumber Utama), Awang Ramlee bin Jamudin, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai kanan KPSSU.

Turut hadir ialah Duta Besar Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Kenichi Suganuma berserta beberapa pelabur antarabangsa dari Jepun.

Warga KPSSU terima sumbangan derma



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar menyerahkan wang sumbangan bagi Tabung Amal Jabatan Daerah Tutong yang diterima oleh Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Mac. - Seramai 37 warga Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) yang ditimpa bencana banjir di Daerah Tutong baru-baru ini menerima sumbangan derma dari KPSSU.

Menyempurnakan penyampaian sumbangan derma tersebut, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, KPSSU, di sini.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyerahan sumbangan derma kepada Tabung Amal Jabatan Daerah Tutong kepada Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali.

Sumbangan derma berkenaan antara lain bertujuan untuk membantu meringankan beban warga KPSSU yang ditimpa banjir di Daerah Tutong.

Atur cara majlis diteruskan dengan penyampaian sijil penghargaan kepada wakil-wakil penjaja jualan, aktiviti amal dan penyelaras golf amal bagi menghargai sumbangan warga kementerian yang terlibat dengan pengendalian jualan dan aktiviti amal tersebut.

Sumbangan-sumbangan derma kewangan tersebut merupakan hasil jualan dan aktiviti amal serta Perlawanan Golf Amal yang dianjurkan oleh KPSSU pada 14, 15 dan 15 Februari lalu.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap KPSSU, Dayang Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri; Timbalan Setiausaha Tetap KPSSU, Awang Mohd. Riza bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunus, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai dan kakitangan KPSSU.

Memastikan perlindungan khazanah sumber-sumber alam semula jadi

Berita dan Foto : Aryentty Haji Ariffin

TUTONG, Selasa, 4 Mac. - Program Jerayawara Hidupan Liar ke Sekolah-Sekolah Rendah Kerajaan dan Swasta ke Seluruh Negara bertujuan bagi memupuk kesedaran awam serta memberikan pembelajaran di luar bilik darjah tentang kepentingan dalam sama-sama memastikan pengurusan dan perlindungan khazanah sumber-sumber alam semula jadi khususnya hidupan liar (flora dan fauna) dapat diberikan perhatian sewajarnya.

Sehubungan itu, Bahagian Hidupan Liar, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dengan kerjasama Syarikat Brunei Methanol Sendirian Berhad, hari ini mengadakan Program Jerayawara Hidupan Liar Ke Sekolah-sekolah Rendah Kerajaan dan Swasta di Daerah Tutong yang berlangsung di Dewan Seri Kenangan, Kompleks Kemasyarakatan Tutong.

Program Jerayawara tersebut bertemakan 'Sayangi dan Hargailah Hidupan Liar Negara Kitani'.

Majlis diikuti dengan menyaksikan tayangan klip video dan sesi taklimat mengenai Bahagian Hidupan Liar dan dari segi fungsi dan peranan, perundangan dan penguatkuasaan dan Program Kebangsaan Pengurusan dan Pemuliharaan Penyusut disampaikan oleh tiga orang pegawai dari Bahagian Hidupan Liar.

Sesi taklimat juga menyentuh mengenai Hari Hidupan Liar (World Wildlife Day) yang telah mula disambut buat pertama kalinya diseluruh dunia pada setiap 3 Mac. Ada pun objektifnya ialah meraikan kepelbagaian keindahan fauna dan flora liar, memperingati keistimewaan hubungan manusia dan kehidupan liar serta meningkatkan kesedaran dan usaha yang memerlukan perhatian segera dalam memerangi jenayah hidupan liar yang memberikan impak kepada ekonomi, alam sekitar dan sosial.

Sesi kuiz juga diadakan bagi mengetahui sejauh mana kefahaman dan penerimaan murid-murid dalam mengikuti taklimat dan penerangan tersebut. Lebih kurang 350 orang murid-murid menghadiri majlis ini yang terdiri daripada para guru dan murid-murid sekolah rendah kerajaan dan 6 buah sekolah swasta termasuklah pegawai dan Jabatan Sekolah-

sekolah, Kementerian Pendidikan Daerah Tutong.

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderahati berupa poster dan risalah mengenai Hidupan Liar kepada guru-guru besar dari sekolah-sekolah rendah kerajaan dan swasta yang terlibat serta penyampaian hadiah kepada para pemenang kuiz yang disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif dari Syarikat Brunei Methanol Sendirian Berhad, Awang Daud bin Haji Jais., selaku Pengerusi Bersama Program Jerayawara tersebut. Para hadirin juga berkesempatan menyaksikan mini pameran yang disediakan di majlis itu.

Daerah Tutong merupakan destinasi ketiga dalam siri Program Jerayawara Hidupan Liar ke Sekolah-Sekolah Rendah Kerajaan dan Swasta ke Seluruh Negara yang mana program seumpamanya telah diadakan di Daerah Belait pada 9 November 2013, manakala di Daerah Temburong pada 28 Januari 2014 yang lalu.



PEGAWAI Bahagian Hidupan Liar, Awang Haji Mohd. Faisal bin Haji Nordin semasa menyampaikan taklimat.

BICTA rangsang inovasi, kreativiti dalam sektor ICT



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar selaku tetamu kehormat semasa merasmikan BICTA 2014.

BERAKAS, Selasa, 4 Mac. - Majlis Pelancaran Anugerah Teknologi Infokomunikasi Brunei (Brunei ICT Awards - BICTA) 2014 dengan Tema 'Empowering a Digital Nation' dilancarkan di Dewan Seri Kerna, Pejabat Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) Berakas, di sini.

Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar hadir selaku tetamu kehormat.

Terdahulu, Ketua Eksekutif AITI, Awang Haji Yahkup bin Haji Menudin dalam ucapan alu-aluannya berkata, sejak 10 tahun yang lalu, BICTA telah memperolehi populariti dan menjadi platform penting untuk merangsang inovasi dan kreativiti dalam sektor infoteknologi maklumat (ICT).

Menurut Awang Haji Yahkup, BICTA juga telah menjadi jenama berprestij atau ikon cemerlang,

berinovatif serta memberikan perkhidmatan dan produk ICT yang berkualiti di Negara Brunei Darussalam.

Tema pada tahun ini jelasnya, menggambarkan usaha kami untuk menggalakkan dan membolehkan negara menggunakan alam sekitar digital sebagai manfaat penyamaan besar sosioekonomi berkaitan dengan ekosistem global, yang mana syarikat-syarikat di negara ini boleh menjual produk mereka ke pasaran global.

"Kita boleh mewujudkan kesedaran mengenai Brunei sebagai destinasi yang menakjubkan bagi kedua-dua Pelancongan Halal Islam dan Eko Pelancongan kerana kita mempunyai kepakaran untuk mengeksport. Graduan Brunei khususnya dalam Pengajian Islam kini boleh menyediakan dokumen-dokumen kontrak bagi negara-negara lain kerana mereka mempunyai pengetahuan untuk mewujudkan aplikasi yang bertindak sebagai platform," terang beliau.

Beliau menambah bahawa sebagai sebuah negara digital kita mempunyai banyak peluang untuk bersaing di peringkat antarabangsa di kedua-dua peringkat mikro dan makro dengan adanya aplikasi internet dan telefon bimbit.

Awang Haji Yahkup berkata, dengan adanya pertandingan ini akan dapat menggalakkan pembinaan aplikasi yang berkaitan selain berharap Negara Brunei Darussalam boleh menjadi sebuah negara maju digital.

Tahun ini jelasnya, Trofi Penaung Diraja (Royal Patron Trophy) akan dianugerahkan kepada yang terbaik dalam kalangan pemenang tempat pertama dalam semua kategori yang mana trofi ini akan disampaikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah pada Majlis Anugerah BICTA nanti selain daripada tiga anugerah khas yang akan diberikan tahun ini.

"Anugerah khas pertama ialah Anugerah ICT Islam (Islamic ICT Award), manakala yang kedua ialah Anugerah Khidmat Masyarakat (Community Services Award) dan ketiga ialah Anugerah Pemaju Muda (Young Developers Award)," ujarnya.

Beliau juga memaklumkan bahawa AITI komited untuk terus menyokong dengan menawarkan hadiah BND50,000 kepada mana-mana peserta BICTA yang menjadi pemenang di Asia Pacific Info-Communication Technology Alliance (APICTA) Awards dan BND25,000 untuk Anugerah Merit yang mana ini boleh digunakan untuk mengembangkan produk-produk masing-masing dan sebagai dorongan untuk mencapai lebih banyak kejayaan di peringkat

antarabangsa.

BICTA merupakan acara tahunan yang diselenggarakan oleh Kementerian Perhubungan bagi menyuntik bakat inovasi dan kreativiti dalam kalangan individu, penuntut dan pengusaha dalam industri ICT, termasuk pengusaha syarikat-syarikat kecil dan sederhana (SMEs).

BICTA merupakan satu komponen Anugerah APICTA untuk meluaskan pengaruh industri ICT dalam rantau Asia dan pemenang-pemenang BICTA telah pun mewakili Negara Brunei Darussalam untuk bertanding dengan peserta-peserta lain dari Australia, Republik Rakyat China, Hong Kong, India, Korea, Macau, Malaysia, Myanmar, Republik Filipina, Pakistan,

Republik Singapura, Sri Lanka, Thailand dan Viet Nam dalam Pertandingan APICTA setiap tahun.

Majlis diteruskan dengan pelancaran rasmi BICTA bagi tahun 2014 oleh tetamu kehormat dan persembahan klip video diikuti dengan persembahan daripada peserta yang berjaya dalam BICTA 2013.

Bagi penyertaan akan datang para peserta diingatkan agar menyerahkan borang BICTA sebelum 11 Ogos 2014 di Pejabat AITI.

Juga hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, selaku Pengerusi Jawatankuasa Pandu BICTA 2014, Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof.



MENTERI Perhubungan semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis tersebut.

Dewan Serbaguna bagi kemudahan penduduk



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman hadir selaku tetamu kehormat bagi merasmikan Dewan Serbaguna bagi Mukim Burong Pingai Ayer.

O Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 Mac. - Para penduduk di Kampung Ayer khasnya mereka yang tinggal di Kampung Burong Pingai Ayer kini akan lebih aktif apabila dengan rasminya sebuah Dewan Serbaguna bagi Mukim Burong Pingai Ayer telah mula digunakan.

Dewan tersebut adalah salah satu usaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Jabatan Daerah Brunei dan Muara (DBM) bagi menyediakan prasarana kemudahan sukan dan riadah untuk masyarakat

setempat khususnya para penduduk di mukim berkenaan.

Projek pembinaan bermula pada Oktober 2012 dan siap Mei tahun lalu dengan kos pembinaan BND287,620, sementara itu pembinaan gelanggang futsal di sebelahnya menelan belanja BND99,700 dan tambahan lain termasuk pemasangan elektrik berjumlah BND90,858 iaitu dengan kos keseluruhan berjumlah BND478,178 di bawah peruntukan peningkatan kemudahan-kemudahan riadah dan bersukan peringkat daerah.

Hadir merasmikan dewan ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Dewan itu berkeluasan 900 meter persegi dapat menampung seramai 800 penduduk dan dilengkapi dengan tiga gelanggang badminton, pentas persembahan, bilik mesyuarat, ruang persalinan, bilik sembahyang, pejabat, ruang pameran dan tandas umum.

Di sebelah luar dibina gelanggang futsal bagi kegunaan riadah supaya dapat menggalakkan perkembangan sukan futsal dalam kalangan para

penduduk khasnya belia-belia.

Hadir sama dalam majlis itu ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff; Setiausaha-setiausaha Tetap KHEDN, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Pegawai DBM, para pegawai kanan di KHEDN, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta para penduduk kampung.

Terdahulu dalam ucapan alu-aluan oleh Pegawai DBM, Awang Haji Jamain bin Momin antara lain berkata

dengan terbinanya dewan itu para penduduk kampung akan dapat merancang dan melaksanakan pelbagai acara atau pertandingan, selain dewan itu juga dapat digunakan bagi pelbagai majlis seperti majlis perkahwinan atau seumpamanya.

Tambahnya, Majlis Perundingan Kampung Burong Pingai juga dapat menjadikan dewan itu sebagai tempat bermesyuarat, perjumpaan, mengadakan taklimat dan sebagainya.

Beliau seterusnya menekankan supaya tempat itu digunakan sebaik mungkin bukannya disalahgunakan dengan kegiatan yang tidak berfaedah atau tempat itu dirosakkan.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri melawat tapak permainan futsal baru.

Cabaran dalam melaksanakan hukum kanun jenayah syariah

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa dan beriman serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Kita amat bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala yang telah mengurniakan kita dengan nikmat yang melimpah ruah, di antara nikmat-nikmat itu ialah nikmat Islam. Islam adalah agama sejahtera, agama keamanan dan kedamaian. Sesuai dengan namanya 'Islam' yang bererti selamat, sejahtera, aman dan damai. Di atas dasar itulah Islam mengatur hubungan antara sesama manusia, bangsa dan negara dengan diasaskan kepada konsep cinta kepada kedamaian dan kesejahteraan.

Kita juga bersyukur kerana telah ditakdirkan hidup di dalam sebuah negara Islam dan bernaung di bawah pemerintahan seorang raja yang sangat menitikberatkan ajaran dan pegangan agama Islam. Kita menjunjung kasih setinggi-tingginya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah menitahkan bahawa Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 digazetkan bermula 22 Oktober 2013. Dengan titah yang sangat-sangat bersejarah ini insya-Allah akan mengukuhkan lagi kedudukan dan kewibawaan agama Islam di negara ini.

Selaku rakyat dan penduduk di negara ini, marilah sama-sama kita memberi sokongan dan kerjasama dalam pelaksanaan Hukum Kanun Jenayah Syariah demi untuk mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Walau bagaimanapun, dalam usaha kita untuk merealisasikan pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah ini, terdapat cabaran yang kita hadapi. Akhir-akhir ini terdapat beberapa komen-komen daripada mereka yang jahil tentang agama Islam yang terang-terangan mempersoalkan pelaksanaan Hukum Kanun Jenayah Syariah di negara ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ada bertitah sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-30 Tahun yang baru lalu, antara titah baginda ialah :

“Pada masa ini, sudah mula sudah mula terdapat percubaan daripada pihak-pihak tertentu untuk menghasut generasi masa kini bagi mempersoalkan dan sekali gus tidak menyokong pelaksanaan Hukum Kanun Jenayah Syariah di negara ini. Mereka itu menggunakan saluran-saluran media baru seperti laman-laman web, blog, aplikasi whatsapp dan seumpamanya. Ini bukan sahaja diakses oleh rakyat tempatan, malahan juga pihak luar negara.

Semua ini, tidak syak lagi adalah cabaran, khususnya cabaran terhadap generasi baru kita. Mereka itu perlu mempunyai pendirian kuat, selaras dengan dasar-dasar negara. Mereka tidak boleh sama sekali dipengaruhi oleh anasir-anasir

yang tidak bertanggungjawab, yang ingin melihat dalaman kita kucar-kacir, atau bertelagah sesama sendiri, serta tidak menghormati ketua dan kerajaan.

Di samping mempersoalkan pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, golongan ini juga nampak-nampaknya sudah ada cuba-cuba menghina raja, menghina ulama dan menghina hukum syarak. Perkara ini dapat dihidu melalui pelbagai ungkapan mereka apabila mereka itu menyebut tentang raja, tentang ulama dan tentang hukum syarak.

Semua ini adalah cabaran kepada pihak-pihak penguatkuasa undang-undang, khususnya mereka yang secara langsung berkaitan dengan Perintah Hukuman Kanun Jenayah Syariah. Itu tidak syak lagi, adalah jenis-jenis jenayah di bawah penggal kesalahan-kesalahan am. Mereka ini tidak boleh dibiarkan berterusan melakukan penghinaan-penghinaan itu, tetapi jika betul ada unsur yang melayakkan mereka dibawa ke mahkamah, maka fasa pertama pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah pada bulan April ini, adalah sangat relevan bagi mereka.”

Ada pun di antara komen-komen mereka yang jahil tersebut ialah ada yang mendakwa bahawa undang-undang syariah ini kejam dan tidak ada keadilan, sudah lapuk dan tidak sesuai lagi diamalkan dalam era kemajuan hari ini. Ada juga yang berpendapat bahawa undang-undang ini belum tiba lagi masanya untuk dilaksanakan dan bermacam-macam lagi komen negatif berhubung dengan pelaksanaan Hukum Kanun Jenayah Syariah ini.

Sememangnya tuduhan sebegini hanya lahir daripada mereka yang jahil tentang undang-undang Islam atau mereka yang sengaja membutakan mata dan hati untuk melihat keindahan undang-undang Islam. Sebenarnya apa pun bentuk tohmahan-tohmahan itu, ia adalah keluar dari mulut dan dada mereka yang tidak mengerti tentang Islam.

Ketahuilah bahawa undang-undang Islam adalah lengkap dan menyeluruh dalam semua aspek kehidupan manusia. Undang-undang Islam mengatur seluruh kehidupan manusia baik secara individu, berkeluarga, bermasyarakat, bernegara serta mengatur hubungan sesama manusia, hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala, hubungannya dengan alam dan makhluk-makhluk yang lain. Lebih jauh lagi undang-undang Islam juga mengatur hubungan di antara rakyat dengan pemerintah, orang Islam dengan yang bukan Islam, negara dengan negara dan dunia dengan akhirat.

Jelasnya undang-undang Islam juga tidak terbatas untuk suatu kaum sahaja, dan tidak terbatas untuk suatu masa yang tertentu sahaja, dan tidak terbatas pada suatu tempat bahkan undang-undang Allah Subhanahu Wata'ala ini sesuai untuk semua kaum, semua tempat, semua keadaan dan zaman. Undang-undang Islam tidak luput ditelan zaman dan tidak boleh berubah serta tidak boleh diubah walaupun hukum-hukum cabangnya mungkin sahaja berubah.



Adalah menjadi tugas dan kewajiban kita semua untuk melaksanakan undang-undang Islam ini dan tidak wajar bagi kita menerima sebahagian daripada undang-undang Islam dan menolak atau mengabaikan sebahagian yang lain. Allah Subhanahu Wata'ala telah memerintahkan agar kita mengikut serta patuh dan taat terhadap perintah-Nya, sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al A'raaf ayat 3:

Tafsirnya : “Ikutlah wahai manusia apa yang telah diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu dan janganlah kamu mengikut pemimpin-pemimpin selainnya. Sedikit benar kamu mengambil peringatan.”

Ada pun kepatuhan terhadap undang-undang Islam adalah kewajiban yang tidak boleh diabaikan. Golongan mukmin sebenar ialah mereka yang taat dan patuh kepada perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan rasul-Nya, mereka merima dan melaksanakan undang-undang Islam itu sepenuhnya tanpa ragu dan syak. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Maa-idah ayat 44:

Tafsirnya : “Oleh itu janganlah kamu takut kepada manusia tetapi takutlah kepadaKu dan janganlah pula kamu menggunakan ayat-ayatKu sebagai harga untuk membeli kelebihan-kelebihan yang sedikit faedahnya. Sesiapa yang tidak menetapkan hukum mengikut apa yang telah diturunkan oleh Allah maka mereka itulah orang-orang kafir.”

Sebagai umat Islam di negara ini, adalah wajar kita menyambut baik dan menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mengangkat dan menjadikan hukum syarak dalam perundangan dan sistem kehakiman negara, kerana dengan adanya undang-undang ini bukan sahaja merupakan kejayaan besar bagi sistem perundangan, bahkan juga raja, negara dan rakyat akan dirahmati Allah Subhanahu Wata'ala di dunia dan di akhirat. Siapalah kita di hadapan Allah Subhanahu Wata'ala untuk tidak melaksanakan segala perintah-Nya. Sama-samalah kita memohon ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar memudahkan kita untuk melaksanakan Hukum Kanun Jenayah Syar'iah di negara ini, mudah-mudahan dengan ketulusan dan keikhlasan kita dalam mentaati perintah Allah Subhanahu Wata'ala, negara kita akan sentiasa mendapat rahmat dan *maghfirah* Allah Subhanahu Wata'ala serta mendapat keamanan dan kesejahteraan dan kemakmuran. Amin Ya Rabbal'alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala tafsirnya :
Tafsirnya : “Dan kalaulah penduduk sesebuah negeri itu beriman dan bertakwa, tentulah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkat dari langit dan bumi tetapi mereka mendustakan rasu-rasu Kami lalu Kami timpakan mereka dengan azab disebabkan apa yang mereka telah usahakan.”

KETAHUILAH bahawa undang-undang Islam adalah lengkap dan menyeluruh dalam semua aspek kehidupan manusia.

Undang-undang Islam mengatur seluruh kehidupan manusia baik secara individu, berkeluarga, bermasyarakat, bernegara serta mengatur hubungan sesama manusia, hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala, hubungannya dengan alam dan makhluk-makhluk yang lain. Lebih jauh lagi undang-undang Islam juga mengatur hubungan antara rakyat dengan pemerintah, orang Islam dengan yang bukan Islam, negara dengan negara dan dunia dengan akhirat.

وقت سمبھيغ داءيرد بروني موارا دان تمبوروغ ، امساك ، شوروق دان ضحي

وقت سمبھيغ . امساك . شوروق دان ضحي بائي داءيرد بروني موارا دري هاري سبتو 8 مرج 2014 برسامان دغن 6 جمادى الأول 1435 هيفغ
كپاري جمعة 14 مرج 2014 برسامان 12 جمادى الأول 1435 ادائه سقرت دپاوه اين :

مسحي مرج	هاري	هجريه جمادى الأول	امساك	صبح	شوروق	ضحى	ظهر	عصر	مغرب	عشاء
8	سبتو	6	5 . 03	5 . 13	6 . 29	6 . 52	12 . 33	3 . 46	6 . 33	7 . 42
9	احد	7	5 . 03	5 . 13	6 . 29	6 . 52	12 . 32	3 . 46	6 . 33	7 . 42
10	الثين	8	5 . 02	5 . 12	6 . 28	6 . 52	12 . 32	3 . 45	6 . 33	7 . 42
11	ثلاث	9	5 . 02	5 . 12	6 . 28	6 . 51	12 . 32	3 . 44	6 . 33	7 . 42
12	رابو	10	5 . 01	5 . 11	6 . 27	6 . 51	12 . 32	3 . 44	6 . 33	7 . 42
13	خميس	11	5 . 01	5 . 11	6 . 27	6 . 50	12 . 31	3 . 43	6 . 33	7 . 42
14	جمعة	12	5 . 01	5 . 11	6 . 27	6 . 50	12 . 31	3 . 42	6 . 33	7 . 42

وقت ٢ سمبھيغ بائي داءيرد تونوغ دتميه سائر مينيت دان داءيرد بلايت دتميه تيف مينيت دان سمبھيغ فرض جمعة دستوروه نكارا بروني دارالسلام
لمولائي دري فوكول 12.45 نغه هاري

Kampung Lumut 1 menjana pelbagai perekonomian

Kenali
Negara
Kitani

Rencana dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji
Omaralli

KAMPUNG LUMUT SATU terletak di Pantai Utara Timur, Daerah Belait. Kampung Lumut Satu merupakan salah satu kampung di Mukim Liang yang bersempadan dengan Kampung Lumut Dua dan Kampung Sungai Liang yang mempunyai keluasan kawasan 53 km persegi. Sempadan Kampung Lumut I bermula daripada kawasan simpang Peranginan Pantai Lumut hingga ke Balai Raya Lumut I.

Pada masa lalu, Kampung Lumut I merupakan sebuah perkampungan tradisional. Kebanyakan penduduk berkerja sendiri dengan bercucuk tanam secara kecil-kecilan dan sebahagian berkerja dengan pihak kerajaan. Jumlah penduduk tidak begitu ramai dan kemudahan infrastruktur juga terbatas.

Sebelum Loji BLNG dibina, di sekitar kawasan berkenaan banyak ditumbuhi lumut terutama sekali di Kuala Sungai, yang pada ketika ini digelar Sungai Lumut. Dari kejadian tersebut, penduduk kampung sekitarnya menggelarkan kawasan tersebut sebagai Kampung Lumut dan nama tersebut kekal hingga sekarang ini di bawah pimpinan Ketua Kampung, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafie bin Ahmad, Ahli Majlis Mesyuarat Negara bagi Daerah Belait.

Dalam tahun tahun 80-an jumlah penduduk mula bertambah dengan penghijrahan penduduk yang telah bersara dari perkhidmatan kerajaan dan swasta memilih untuk membina rumah dan seterusnya bermastautin di kampung ini. Dalam masa yang sama kemudahan kemudahan awam mula dibina dan dipertingkatkan seperti jalan raya, sekolah, pejabat pos bagi kemudahan dan kesejahteraan penduduk.

Pada ketika ini, penduduk yang tinggal di kampung tersebut dianggarkan 4,236 orang terdiri daripada berbilang bangsa, puak dan anutan agama. Majoriti penduduk bangsa Melayu (terkandung tujuh etnik), diikuti dengan bangsa Cina, Iban, India dan lain-lain sementara beberapa pegangan agama dan adat resam dianut oleh penduduk di kampung seperti agama Islam, Kristian, Buddha dan juga yang tidak beragama dan kebanyakan mereka bekerja dengan pihak kerajaan dan swasta serta ada yang berusaha sendiri seperti berniaga, berladang atau bertani dan nelayan.

Hasil utama kampung tersebut ialah Gas Cecair Asli yang diusahakan oleh Syarikat Brunei LNG dan Metanol oleh Syarikat Brunei Metanol (BMC) untuk diekspot ke negara Jepun

di samping pertanian, perikanan dan perusahaan-perusahaan kecil seperti permakanan, kraf tangan, dan pertukangan juga diusahakan.

Produk utama kampung ialah perusahaan biskut kering dan kraf tangan. Usaha tersebut dilaksanakan oleh ibu-ibu tunggal dengan kerjasama Majlis Perundingan Kampung (MPK) Lumut I. Di samping itu, terdapat juga produk perseorangan yang diusahakan oleh penduduk kampung seperti perusahaan membuat tongkat dan tanaman jagung dan Balai Raya Kampung Lumut I dijadikan pusat aktiviti bagi menempatkan ahli-ahli MPK dan ibu-ibu tunggal menjalankan kegiatan mereka. Tempat tersebut juga dijadikan tempat mesyuarat dan kegiatan pembuatan dan pemrosesan makanan khususnya biskut kering.

Kampung berkenaan buat kali ketiga dipilih menyertai Projek Anugerah Kampung Cemerlang (AKC). Untuk projek AKC pada tahun ini, Projek Perekonomian, Satu Kampung Satu Produk (1K1P) masih menentang dua projek iaitu projek perekonomian ternakan ikan air tawar dalam kolam dan dodol dan serunding.

Projek Perekonomian 1K1P sebagai satu titik permulaan MPK Lumut 1 menceburi dalam bidang perternakan. Industri ternakan ikan memberikan keuntungan yang lebih memandangkan harga pasaran dan permintaan ikan yang tinggi. Dalam usaha ini juga, Projek Perekonomian 1K1P, pembuatan dodol dihasilkan dapat dipasarkan secara meluas di negara ini memandangkan belum banyak terdapat dijual di pasaran.

Projek perekonomian ternakan ikan air tawar dan dodol dapat menyatupadukan anak-anak buah kampung dalam melaksanakan kerja gotong-royong dan dapat memberikan ruang dan kesempatan kepada ibu-ibu tunggal dan kaum ibu untuk menampung pendapatan harian mereka. Projek ini juga dapat memberikan ruang pekerjaan beberapa orang wanita dan pencari kerja yang memerlukan bantuan.

Masyarakat kampung telah menunjukkan lebih berkeyakinan pada diri apabila usaha mereka ternyata boleh dipraktikkan dan mereka juga membuktikan bahawa setiap usaha yang dilakukan dengan bersungguh-sungguh pasti mencapai kejayaan sekali gus memberikan keseimbangan sosioekonomi kampung.

Setelah berjaya menghasilkan produk ikan air tawar dan dodol, MPK Lumut 1 pada tahun 2012 bercadang dan berusaha akan membesarkan produk ikan air tawar dengan cara memelihara dalam kontena dan sangkar dan membuat produk iaitu serunding di samping meningkatkan mutu dodol di masa akan datang.

Pemasaran bagi ikan air tawar, serunding dan dodol akan diusahakan agar dapat dipasarkan secara lebih meluas lagi termasuk ke luar daerah dan peringkat antarabangsa khususnya. Bagi jangka panjang, MPK Lumut 1 juga merancang dan berbincang bersama penduduk kampung untuk menambah satu lagi produk perekonomian seperti membuat bebola ikan. Masyarakat kampung

tidak ketinggalan untuk sama-sama menyahut cabaran dan seruan pihak berkenaan.

Projek ternakan ikan air tawar mula diusahakan pada tahun 2010-2011 oleh kaum lelaki terdiri ahli-ahli MPK dan keramaian ahli bagi projek tersebut 39 orang dengan kutipan secara sama rata sebanyak BND110 seorang dan pada keseluruhan kutipan berjumlah BND3,040.

Projek ternakan ikan diteruskan tahun 2012-2013. Ahli-ahli merancang mengadakan penggunaan sangkar dalam kolam serta menggalakkan ahli-ahli membuat kolam ikan di kawasan rumah masing-masing untuk menambahkan hasil. Menurut laporan MPK tersebut pada bulan Oktober tahun lalu, wang yang berjaya dikumpulkan hasil daripada projek ternakan ikan sebanyak BND1,405.00.

Sementara dodol dan serunding dikendalikan oleh Biro Wanita MPK tersebut. Kuih dodol mula diusahakan dalam projek aktiviti ibu tunggal (2010-2011). Sumber kewangan diperolehi untuk projek serunding daging dari tabung biro wanita dan tabung MPK dengan kutipan bajet permulaan dari ahli-ahlinya sebanyak BND92.55 manakala kuih dodol sumbangan isteri-isteri Duta Asia-Pasifik, BLNG dan bantuan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan kuih sapit dan bahu sumbangan ahli-ahli jawatankuasa MPK dan individu.

Bagi projek kuih sapit, para peserta seramai 13 orang kutipan sama rata sebanyak BND50 seorang dan keseluruhan kutipan berjumlah BND650. KHEDN telah meluluskan peruntukan sebanyak BND5,366 sebagai menampung balik modal awal bagi perbelanjaan pembelian pagar, atap dan lain-lain projek ternakan ikan dalam kolam dan mesin dodol bagi projek pembuatan dodol.

Selain itu ahli-ahli MPK juga menghasilkan produk sampingan termasuk Teh Mahkota Dewa, Pembuatan Cenderahati, Krafangan, Popia Seaweed secara perseorangan dan ahli jawatankuasa MPK. Semua aktiviti dijalankan di tempat masing-masing manakala pemasaran dijalankan secara individu dan melalui penyertaan MPK Lumut 1 di Bazar dan Gerai Jualan yang dianjurkan oleh Jabatan Daerah Belait.

Kampung Lumut 1 kali pertama dan kedua menyertai AKC telah menentang projek dodol, kuih sapit dan ternakan ikan dalam kolam. Projek 1K1P, serunding daging (2012-2013), dodol (2010-2011), kuih kering seperti sapit dan bahu (2008-2009) dan ternakan ikan dalam kolam (2010-2011).

Pengerusi Projek, Awang Haji Mas Yose bin Abdul menyatakan aktiviti jual beli mempunyai imbuhan yang diperolehi dari aktiviti berkenaan dan dalam dunia perniagaan ada untung dan rugi.

"Perusahaan yang bersifat, biar kecil asalkan berhasil adalah prinsip perusahaan yang ingin kita ceburi. Perusahaan kita yang baru adalah sasaran kita bersama. Semua kita memerlukan bimbingan daripada peringkat awal lagi. Kita bukan sahaja kekurangan modal, kemahiran, pengalaman dan



AHLI-AHLI Majlis Perundingan Kampung (MPK) Lumut I menuai hasil ternakan ikan air tawar di kolam yang mereka peruntukkan.

Menyusur Mukim dan Kampung



pengetahuan bahkan kekurangan prinsip, motivasi dan falsafah keusahawanan yang betul," jelas beliau.

Beliau menyatakan mereka yang bekerja keras dan tidak mudah patah semangat akan menerima imbuhan yang dicari, tetapi mereka terlebih dahulu perlu mengikis sikap malas dan mudah putus asa kerana untuk mencapai kejayaan, perlu menyingkirkan sifat negatif dan bagi yang berjaya, mereka sebenarnya memang rajin dan kuat berusaha.


"Kita kena rajin berusaha kerana hanya yang kuat berusaha akan membolehkan apa yang diimpikan menjadi kenyataan. Sekalipun kita mungkin tidak menjadi jutawan, tetapi kita sebolehnya berusaha untuk mengubah situasi kewangan dan berusaha meningkatkan ekonomi bagi menyara diri dan keluarga ke arah kehidupan yang lebih baik," ujarnya.

Beliau selanjutnya menambah, kita harus seronok dan rasa tenang melakukan setiap perkara,

sekalipun orang lain mengatakan ia susah dan membosankan tetapi jika sudah minat dalam apa juga bidang, teruskan dan jangan pandang ke belakang kerana ada habuan manis sedang menanti kita di hadapan.

Projek AKC Aspek dan kriteria utama yang dinilai bagi projek berkenaan ialah pengurusan dan pentadbiran, perekonomian yang termasuk penghasilan produk dan sumber kekayaan kampung, mesra alam, kebersihan, keindahan, penjimatan tenaga dan keceriaan, projek dan aktiviti, keselamatan, kebajikan dan kemasyarakatan, keagamaan dan kemahiran serta pendidikan dan infokomunikasi.

Antara tujuan ACK adalah sebagai pemangkin pembangunan dan kemajuan masyarakat kampung, memberi pengiktirafan dan galakan kepada MPK dan penduduk kampung, mengukuhkan keberkesanan MPK termasuk mengangkat kewibawaan dan martabat institusi penghulu dan ketua kampung serta menggalakkan persaingan yang sihat di kalangan MPK seluruh negara.





Wadah perbincangan isu strategik

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Jabatan Penerangan

PERSIDANGAN Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN) dirasmikan pada 6 Mac 2014 di Dewan Majlis. Setentunya semua ahli Yang Berhormat bersiap sedia untuk menyuarakan pelbagai isu yang telah dikutip dari rakyat jelata, manakala para menteri pula setentunya bersedia untuk membentangkan segala pencapaian-pencapaian Kementerian masing-masing. Semua ini semata-mata cara untuk menjaga segala perkembangan keperluan rakyat dan pembangunan negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah pada Majlis Perasmian Persidangan MMN di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Sabtu, 10 Syaaban 1425/25 September 2004:

"Dengannya juga, dapatlah beta memikirkan, bagaimana rakyat - dengan pelbagai cara - dapat melibatkan diri dalam pembangunan Negara Brunei Darussalam. Ini, telah beta bayangkan di dalam titah sambutan hari keputeraan yang lalu, bahawa beta berhasrat untuk mewujudkan struktur perundingan yang lebih formal, iaitu dengan mengadakan semula MMN. Persidangan hari ini adalah merupakan permulaan proses ke arah yang beta hasratkan."

"Kita sedia maklum, orang Brunei mempunyai cara mereka menyalurkan harapan dan masalah melalui pelbagai peringkat perundingan. Sudah barang tentu mereka akan mengalu-alukan penubuhan semula MMN ini, yang penubuhannya menambahkan lagi forum atau wadah tempat menyalurkan pendapat dan pandangan."

"Bagaimanapun, penubuhan semula majlis ini, dalam apa jua suasana sekalipun, tidak akan menggugat kestabilan dan kesejahteraan yang kita nikmati selama ini. Begitu juga kewujudannya bukan untuk menimbulkan kacau-bilau atau kebimbangan di kalangan masyarakat. Sebarang kesilapan akan mengundang risiko, di mana untuk memperbaikinya semula akan mengambil masa yang lama. Oleh itu, kita memulakan proses ini dengan cara yang amat berhati-hati. Beta akan melihat kerja-kerja dan kesan dari kewujudan majlis ini dan seterusnya akan membuat keputusan sama ada proses ini boleh diteruskan dengan menambah lagi bilangan ahlinya."

Itulah harapan baginda agar mesyuarat seumpama ini dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya. Baginda juga menegaskan bahawa MMN itu ditubuhkan bukanlah untuk menggugat kestabilan dan kesejahteraan negara dan bukan juga untuk menimbulkan kacau-bilau atau kebimbangan di kalangan masyarakat. Ini bermakna perjalanan MMN kita mempunyai calaknya yang tersendiri mengikut lunas-lunas yang

bersesuaian dengan budaya kita tanpa mengeneipkan tujuannya iaitu untuk menyalurkan pendapat dan pandangan. Ini kerana melalui permesyuaratan, kita sebenarnya adalah membuka jalan untuk lebih kaya dengan idea-idea baru dan pengalaman terutama dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan kepentingan rakyat dan negara.

Ini menunjukkan bahawa kerajaan dan rakyat adalah berganding bahu memelihara elemen-elemen penting dalam sistem yang kita ada.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Perasmian Persidangan Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua MMN pula bertitah:

"Mesyuarat yang akan berlangsung ini, membawa mesej terbuka bahawa kerajaan dan rakyat adalah berganding bahu memelihara elemen-elemen penting dalam sistem yang kita ada.

"Cara ini telah banyak mendatangkan kebajikan. Melalui permesyuaratan, kita sebenarnya adalah membuka jalan untuk lebih kaya dengan idea-idea baru dan pengalaman.

"Inilah wadah yang amat beta sukai, dari semangatnya Alhamdulillah, beta telah mendapat banyak inspirasi untuk mengadakan siri-siri lawatan kepada seluruh lapisan rakyat, di daerah-daerah mahupun di kampung-kampung."

Pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam MMN pada hari Khamis, 25 Rabiulawal 1431H / 11 Mac 2010M, Kebawah DYMM telah bertitah:

"Dari sinilah suara-suara akan didengar dan sampai kepada pihak-pihak dalam kerajaan. Semuanya itu akan dinilai dan diteliti jika didapati bersesuaian ia akan menjadi asas kepada perancangan-perancangan negara.

"Pihak-pihak dalam kerajaan pula sentiasa berkewajipan untuk mendekati rakyat dan penduduk dengan maklumat-maklumat yang berguna supaya mereka dapat sama-sama merasakan betapa mustahaknya negara merancang dan membangun untuk kemajuan."

PERANAN AHLI MMN

Peranan Ahli-ahli MMN sememangnya amat penting dalam menyalurkan segala maklumat serta memberi pandangan. Ahli-ahli bukan sahaja menjadi penyampai yang baik bagi kerajaan dan rakyat, malahan juga turut dituntut ialah menjadi ahli fikir yang dicontohi oleh masyarakat. Ahli-ahli Yang Berhormat setentunya adalah mereka yang mampu melihat pelbagai isu dan sama-sama membincangkannya pada persidangan tersebut.

Pada Majlis Perasmian Persidangan Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua MMN,



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim bersama jurutulis-jurutulis dan penolong jurutulis.



MENTERI-MENTERI Kabinet ketika menyetujui perkara yang dibincangkan di dalam persidangan.

baginda bertitah:

"Pada hari ini adalah merupakan sesi pertama permesyuaratan MMN yang baru dilantik. Ia terdiri daripada 29 Ahli, 5 Ahli telah pun beta lantik daripada daerah-daerah.

"Beta tidak lupa mengucapkan tahniah dan selamat bersidang. Penambahan ahli adalah selaras dengan kehendak Perlembagaan dan juga hasrat beta sendiri untuk memberikan peluang yang luas kepada rakyat dalam memberikan pandangan."

Sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keempat MMN pada hari Selasa, 26 Safar 1428H / 4 Mac 2008M baginda bertitah:

"Oleh itu diharapkan kepada ahli-ahli supaya berpandangan jauh dalam perbincangan, dengan penjurusan ialah kepada isu-isu strategik yang bermanfaat bagi rakyat, selaras dengan hala tuju negara dalam tahun-tahun mendatang."

Baginda juga ingin melihat para ahli akan dapat memartabatkan MMN sebagai sebuah institusi yang betul-betul dihormati, sebagaimana titah baginda pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga MMN pada hari Selasa 16 Safar 1428H/6 Mac 2007M:

"Akhirnya beta berdoa semoga Ahli-ahli akan dapat berbincang dengan penuh hemah bagi memartabatkan Majlis Mesyuarat ini selaku sebuah institusi yang betul-betul dihormati. Jadikanlah ia forum atau wadah yang membina bagi kelangsungan konsep Melayu Islam Beraja yang luhur itu."

AGENDA

Antara agenda utama pada MMN itu ialah membahaskan peruntukan terutama perancangan, kewangan dan sumber pendapatan negara. Sebagaimana baginda pernah bertitah pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga MMN, pada hari Selasa 16 Safar 1428H/6 Mac 2007M bahawa peruntukan itu adalah nadi bagi menggerakkan jentera pembangunan negara. Objektifnya yang utama ialah supaya kebajikan rakyat sentiasa terpelihara. Dengan peruntukan itu, kita bukan saja mampu merancang, tetapi juga berupaya untuk membawa negara ini kepada perkembangan yang selayaknya.

Segala agenda dan isu-isu yang dibangkitkan sepanjang persidangan tidak lain adalah bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup melalui pelbagai projek dan program pembangunan, terutama yang melibatkan sosioekonomi.

Persidangan yang disifatkan sebagai syura permuafakatan ini sememangnya telah menerima maklum balas yang menggalakkan. Malah baginda sendiri gembira mengikuti perkembangan persidangan yang telah berjaya memainkan peranannya untuk membincang dan membahas isu-isu utama pembangunan semasa, sebagaimana titah baginda pada Majlis Pembukaan Persidangan Musim Permesyuaratan Ketujuh MMN pada hari Selasa 27 Rabiulawal 1432H/1 Mac 2011M.

Oleh itu bersempena dengan Persidangan MMN ini, sama-samalah kita berdoa agar mesyuarat tersebut berjalan dengan lancar dan memberi seribu manfaat kepada seluruh rakyat jelata.



AHLI-AHLI Yang Berhormat ketika menyetujui perkara yang dibincangkan.



ANTARA yang hadir menyaksikan persidangan tahun lalu ialah peserta Program Khidmat Bakti Negara.

Laporan Khas Sempena Persidangan Majlis Mesyuarat Negara 2014



PERCUMA

KELUARAN SABTU 8 MAC 2014

Kesejahteraan pekerja sektor swasta perlu diberi perhatian

Laporan : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Hernie Suliana Haji Othman,
Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan supaya Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) memberi penekanan kepada kesejahteraan para pekerja di sektor swasta.

Baginda bertitah demikian semasa menyempurnakan Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh MMN di Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Titah baginda, Persidangan MMN sudah 10 tahun bersidang sejak ianya diwujudkan semula dan dalam tempoh tersebut banyak isu dan persoalan yang timbul untuk dibincangkan atau dibahaskan.

Namun semenjak dari tempoh itu, titah baginda, kecenderungan banyak berkisar menimbulkan isu-isu yang berkaitan dengan kemudahan dan kesejahteraan para pegawai dan kakitangan kerajaan sahaja, berbanding cuma sedikit tumpuan diberikan kepada kesejahteraan para pekerja di sektor swasta.

"Pada hal bagi hemat beta, melalui perkembangan dan produktiviti di sektor swasta itu, dapat di harapkan untuk menyumbang kepada peningkatan sosioekonomi negara ini," titah baginda.

Baginda bertitah, atas anggapan inilah Kerajaan baginda, sentiasa melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memperbaiki lagi iklim pelaburan dan perniagaan di negara ini, sambil memastikan kesejahteraan pekerja-pekerja tempatan di sektor swasta adalah mendapat perhatian sewajarnya.

Antara langkah-langkah ke arah itu titah baginda, ialah penubuhan Tabung Amanah Pekerja; Skim Persaraan Caruman Tambahan; Pewujudan Skim Tabungan Perumahan dan sebagainya.

Malahan titah baginda, langkah kerajaan juga telah mengemaskinikan dan mengurangkan kadar cukai eksais bagi beberapa kenderaan yang berkapasiti rendah untuk tujuan mengurangkan kos sara hidup dan juga untuk faedah golongan yang berpendapatan rendah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyempurnakan Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara.

Berangkat rasmi Musim Permesyuaratan MMN Kesepuluh



Laporan : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Noraisah Muhammed, Norrasidah Jumat
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Hernie Suliana Haji Othman, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Mac. - Dewan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) memulakan Sidang Permesyuaratan Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh MMN bagi membincangkan pelbagai isu untuk kepentingan negara dan kesejahteraan rakyat Negara Brunei Darussalam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyempurnakan Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh MMN yang berlangsung di Bangunan Dewan Persidangan MMN, Dewan Majlis, di sini.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan

Perdana Menteri yang juga merupakan Ahli Rasmi Kerana Jawatan; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan yang juga merupakan Ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di perkarangan Bangunan Dewan Majlis dijunjung oleh Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim.

Ke muka III



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyempurnakan Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Bangunan Dewan Persidangan MMN, Dewan Majlis.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat memeriksa Barisan Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada kira-kira 100 anggota Pasukan Polis Diraja Brunei yang diketuai oleh Penguasa Polis Awang Jofri @ Radin Jofri bin Haji Mohammad Basiuni.



BERANGKAT sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri yang juga merupakan Ahli Rasmi Kerana Jawatan; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan yang juga merupakan Ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien.

Dari muka II

Sejurus kemudian Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima tabik hormat diraja dan seterusnya berangkat memeriksa Barisan Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada kira-kira 100 anggota Pasukan Polis Diraja Brunei yang diketuai oleh Penguasa Polis, Awang Jofri @ Radin Jofri bin Haji Mohammad Basiuni.

Kebawah DYMM seterusnya dijunjung berangkat masuk ke Dewan Persidangan dengan diiringi oleh Yang Di-Pertua MMN dan didahului oleh Bentera Dewan yang membawa Cokmar.

Dalam istiadat tersebut, baginda berkenan mengurniakan titah.

Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Baginda bersama-sama dengan anakanda dan adinda-adinda baginda berserta Ahli-ahli MMN kemudian berkenan berangkat ke sesi bergambar ramai.

Istiadat Pembukaan Rasmi didahului dengan mesyuarat yang dipengerusikan oleh Yang Di-Pertua MMN, bagi meneliti dan seterusnya mengesahkan Minit Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh bagi MMN yang telah bersidang selama 16 hari mulai dari 7 hingga 27 Mac 2013, bertempat di Dewan Persidangan MMN, Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan.

MMN musim ini dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang

Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, selaku Yang Di-Pertua MMN dengan dibantu oleh Jurutulis I (Pertama) kepada MMN, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar dan Jurutulis II (Kedua) kepada MMN, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abd. Salam bin Abd. Momin.

Juga hadir ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja, Ahli Majlis Mengangkat Raja, Timbalan-Timbalan Menteri, Ahli Majlis Ugama Islam, Duta-Duta Besar dan Pesuruhjaya - Pesuruhjaya Tinggi luar negeri, Setiausaha Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Persidangan MMN Kesepuluh ini juga akan membahaskan Peruntukan Belanjawan Negara Bagi Tahun Kewangan 2014 dan 2015 kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan dan juga akan membahaskan serta meluluskan belanjawan bagi peruntukan kewangan kemajuan negara, usul menyebarkan menjunjung kasih atas keberangkatan dan kurnia titah Kebawah DYMM, soalan-soalan yang diberi notis, usul-usul yang telah diberi notis dan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan 2014/2015.

MMN ditubuhkan menurut Bab 23 dari Perlembagaan Negeri Brunei, 1959 dan ahli-ahlinya dilantik menurut Bab 24.

Pada tahun 1984, MMN telah dibubarkan dan telah bersidang semula pada 25 September 2004.



KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diiringi oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim.



GAMBAR-GAMBAR merakamkan suasana semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN di Bangunan Dewan Majlis (atas sekali kiri dan kanan, atas kiri dan kanan).



ANTARA yang hadir pada Majlis MMN ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja, Ahli Majlis Mengangkat Raja, Timbalan-Timbalan Menteri, Ahli Majlis Ugama Islam, Duta-Duta Besar dan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tinggi Luar Negeri, Setiausaha Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

BACAAN doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Meningkatkan perkhidmatan kesihatan Daerah Temburong



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Mac. - Kementerian Kesihatan mengenal pasti akan kepentingan untuk meneliti serta membuat perancangan secara teratur mengenai keperluan bagi mengembangluaskan dan mengukuhkan lagi perkhidmatan penjagaan kesihatan Daerah Temburong, ini adalah sepertimana yang juga telah dan akan terus dilaksanakan secara keseluruhannya bagi perkhidmatan penjagaan kesihatan di semua daerah iaitu mengikut keutamaan dan keperluan negara.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof semasa menjawab soalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad tentang perkhidmatan penjagaan kesihatan bagi rakyat dan penduduk di Daerah Temburong pada Mesyuarat Pertama

Laporan : Haji Aliddin Haji Moktal
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof.

dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Bangunan Dewan Majlis MMN, di sini

Untuk makluman jelas Yang Berhormat, bahawa Kementerian Kesihatan telah pun melaksanakan beberapa projek di Daerah Temburong yang bukan saja menumpukan kepada peningkatan kualiti perkhidmatan, malahan juga menambah baik dan menaik taraf infrastruktur kesihatan yang antara lainnya seperti penambahbaikan kemudahan serta kelengkapan perkhidmatan kemalangan dan kecemasan melalui pengubahsuaian dan penaiktarafan Bahagian Kemalangan dan Kecemasan di Hospital

Pengiran Isteri Hajah Mariam Daerah Temburong. Proses serta aliran kerja perkhidmatan di bahagian tersebut jua telah dikemas kini untuk meningkatkan keberkesanan rawatan pesakit dalam suasana yang lebih kondusif.

Perkhidmatan Bahagian Kemalangan dan Kecemasan ini juga telah dilengkapi dengan penyediaan empat buah kenderaan ambulans termasuk khususnya bagi kes-kes trauma, di samping penyediaan sebuah ambulans laut. Jika terdapat pesakit yang memerlukan rawatan yang segera dan berkeadaan kronik hanya akan menggunakan perkhidmatan helikopter juga disediakan dengan kerjasama pihak Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Yang Berhormat menjelaskan, satu lagi yang telah pun dikenal pasti di Daerah Temburong, bertambahnya pesakit renal dari tahun ke tahun bertambah misalnya, 2008 seramai 23 orang, bertambah 30 orang. Menyedari akan hakikat itu maka kementerian telah pun mengambil tindakan untuk menambahkan lagi dan meluaskan lagi bagi kemudahan pesakit-pesakit dialisis iaitu pada masa ini terdapat sembilan unit 'dialysis points' ditambah kepada 18 unit. Ini adalah semata-mata untuk memberikan keselesaan dan memberikan rawatan dialisis kepada mereka yang

memerlukan di daerah tersebut

Yang turut juga diberikan penumpuan tambah Yang Berhormat, aspek pengukuhan perkhidmatan penjagaan kesihatan kanak-kanak dan ibu-ibu mengandung iaitu yang sedang berjalan pada masa ini ialah pelaksanaan penaiktarafan dan mengembangluaskan Klinik Kesihatan Ibu-Ibu dan Kanak-Kanak di daerah itu. Projek ini adalah dihasratkan untuk meningkatkan lagi kualiti dan keberkesanan perkhidmatan yang secara komprehensif demi keselesaan dan juga kepada mereka kanak-kanak dan ibu-ibu yang memerlukan perkhidmatan. Insya-Allah, projek ini akan dapat disiapkan sedikit masa lagi.

Yang Berhormat menjelaskan, adalah dalam rancangan Kementerian Kesihatan untuk mengubah suai dan menaik taraf bilik-bilik konsultasi dan kawasan pesakit luar di Daerah Temburong untuk meningkatkan lagi terhadap keadaan yang lebih kondusif dan teratur serta tersusun. Kerja-kerja ini juga termasuklah dalam membaik pulih, pengubahsuaian dan menaik taraf seperti yang telah dicadangkan dalam Rancangan Kemajuan Negara Kesepuluh di bawah Projek Baik

"Kementerian Kesihatan juga sedang meneliti dan membuat perancangan bagi mengukuhkan perkembangan kapasiti tenaga profesional di daerah-daerah mengikut keutamaan dan keperluan bersesuaian dengan konsep Universal Health Coverage. Justeru itu bagi Daerah Temburong, Kementerian Kesihatan telah menempatkan pada masa ini seorang doktor

tempatan untuk mengetahui perkhidmatan kesihatan meliputi kepada penjagaan kesihatan asasi dan hal ehwal melindungi kesihatan awam. Seorang doktor tempatan juga telah dilantik sebagai Penguasa Perubatan bagi hospital berkenaan dan juga di hospital tersebut ekarang mempunyai 180 orang kakitangan dengan mempunyai lima orang doktor perubatan, seorang doktor pergigian dan 55 orang jururawat," jelas Yang Berhormat.

Selain itu kata Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan sentiasa mengambil berat tentang kebajikan termasuk tempat kediaman bagi pegawai-pegawai dan kakitangan yang memerlukan. Lanya akan dirundingkan dan juga akan dibuat perancangan dengan agensi-agensi yang berkenaan.

"Seterusnya dikongsikan bahawa Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam adalah merupakan satu fasiliti utama di Daerah Temburong yang turut diberi tumpuan dalam Projek Pelan Induk Sistem dan Infrastruktur Kesihatan Negara Brunei Darussalam yang pada masa ini dalam peringkat *finalisation*. Projek ini dikendalikan oleh konsultan yang telah dilantik. Insya-Allah melalui projek ini, kajian mengenai perkhidmatan dan infrastruktur hospital tersebut telah dijalankan bagi usaha untuk mengenal pasti keperluan mengembangkan perkhidmatan perubatan bukan sahaja dalam jangka masa sederhana tetapi juga untuk masa jangka yang panjang dalam mensejajarkan dengan perkembangan dan perancangan serta kemajuan Daerah Temburong," jelas Yang Berhormat.

PDB sedia mainkan peranan laksana Kanun Jenayah Syar'iah

Laporan : Haji Aliddin Haji Moktal
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali



MENTERI Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Mac.- Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar menjelaskan, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) sudah bersedia bagi sama-sama memainkan peranan di dalam melaksanakan Kanun

Hukuman Jenayah Syar'iah.

Yang Berhormat menambah, sebenarnya sudah terdapat kerjasama yang erat di antara Jabatan Peguam Negara dan Bahagian Pendakwaan Syar'iah, Kementerian Hal Ehwal Ugama serta PDB termasuklah di dalam latihan mengenai pengendalian siasatan dan saksi.

"Latihan-latihan ini telah pun dipertingkatkan lagi dari segi kualiti bagi memastikan pelaksanaan Undang-Undang Syar'iah ini akan dapat dijalankan secara teratur dan sempurna seperti mana yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam," jelas Yang Berhormat bagi menjawab persoalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman mengenai sama ada PDB sudah bersedia untuk sama-sama memainkan peranannya dalam melaksanakan Kanun Hukum Jenayah Syar'iah 2013 ini pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Bangunan Dewan Majlis MMN, di sini.

Pendedahan dan latihan-latihan sebegini jelas Yang Berhormat, adalah sangat diperlukan memandangkan Undang-Undang Syar'iah ini adalah baru dan seterusnya bagi memberikan penerangan mengenai

persamaan dan juga perbezaannya di dalam keperluan - keperluan penguatkuasaan bahagian-bahagian di bawah undang-undang tersebut.

Misalnya kata Yang Berhormat, jika dibandingkan dengan Kanun Hukum Jenayah Penggal 22 atau pun Penal Code Chapter 22 yang ada sekarang. Namun begitu dengan mengambil kira kemahiran dan pengalaman di dalam pengendalian siasatan bahan bukti dan saksi sedia ada. Maka peralihan dari Kanun Jenayah ke Penal Code kepada Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah adalah satu evolusi yang Insya-Allah akan dapat ditangani dengan baik dan teratur.

"Di samping itu, kefahaman tentang akta ini juga akan menjadi satu subjek asas kepada semua rekrut-rekrut PDB di masa akan datang," ujar Yang Berhormat.



YANG Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman

Tiada perancangan ladang penternakan di Daerah Temburong

Laporan :
Haji Aliddin Haji Moktal
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Mac. - Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan tidak mempunyai perancangan untuk mengadakan ladang penternakan lembu atau kerbau di Daerah Temburong.

"Ini adalah disebabkan oleh keluasan tanah yang sesuai yang terhad dan juga untuk menjaga imej daerah sebagai The Green and Jewel of Brunei," jelas Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar bagi menjawab soalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad mengenai dengan perancangan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama bagi ladang penternakan lembu atau kerbau di Daerah Temburong pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Bangunan Dewan Majlis MMN, di sini.

Yang Berhormat menjelaskan, sebagai makluman tambahan,



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar

adapun untuk kegunaan kita semua pengambilan daging merah, *red meat* dan daging ayam per kapita bagi setiap penduduk di Negara Brunei Darussalam ini adalah di antara yang tertinggi berbanding di negara-negara ASEAN.

Unit Consumption per kapita bagi Negara Brunei Darussalam bagi tahun 2012 tambah Yang Berhormat, adalah 9.7 kg per year, antara yang tertinggi di negara ASEAN dan sementara ayam, per kapita *consumption* bagi Negara Brunei Darussalam adalah kira-kira dalam 61.8 kg per year dan juga antara yang tertinggi dalam kalangan negara-negara ASEAN.

Tapak Pertanian Batang Mitos bakal atasi kekurangan binatang ternakan



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim semasa mendengar persidangan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Mac. - Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah pun mengenal pasti tapak yang akan digunakan bagi tujuan penternakan kerbau dan lembu di Tapak Pertanian Batang Mitos seluas 500 hektar. Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar bagi menjawab soalan yang diutarakan oleh Yang

Laporan : Haji Aliddin Haji Moktal
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas

Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad berhubung kait dengan perancangan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dalam mengatasi kekurangan binatang ternakan tempatan seperti kerbau, lembu dan kambing pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN)

di Bangunan Dewan Majlis MMN, di sini.

Tapak ini kata Yang Berhormat, adalah dalam proses untuk menyediakan Plan T. induk yang bergelar 'The Development of Master Plan for Batang Mitos Live Stock Development Area dan Batang Mitos Fruits Development Area' dan dijangka akan siap dalam tahun ini.

Yang Berhormat menambah, antara konsep yang diterapkan dalam *master plan* ini adalah sistem peladangan sepadu atau pun *integrated farming* bagi mencapai pengeluaran yang kompetitif dan mapan bagi industri ternakan dan tanaman dengan menggalakkan perusahaan bagi teknologi tinggi yang bersesuaian seperti pemeliharaan ternakan

dominan secara *system feed load*.

Selain itu, kata Yang Berhormat, perladangan pokok buah-buahan dengan mengutamakan amalan-amalan baik pertanian dan penternakan.

Tapak-tapak di Batang Mitos ini jelas Yang Berhormat, akan dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur asas seperti jalan, bekalan elektrik dan air dan akan ditawarkan kepada pengusaha berskala besar dan berskala kecil.

"Perancangan telah pun dibuat iaitu dengan melaksanakan projek *feed load*, yang mana pada masa ini masih dalam proses fasa pertama "iaitu pengumpulan data dan persiapan logistik. Terdapat bahawa pihak yang berminat untuk mengusahakan tapak ini, yang mana akan diselaraskan dengan keputusan projek *master plan* ini," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menjelaskan, secara umum program-program pembangunan industri ternakan di negara ini bukan sahaja akan menumpukan kepada peningkatan penghasilan juga akan menumpukan kepada program-program dukungan seperti pengawasan kawalan penyakit ternakan. Penyerapan penggunaan teknologi tinggi dalam perternakan kualiti makanan dan pemakanan haiwan diagnostik dan kawalan kualiti dan kawalan keselamatan makanan hasil dari ternakan.

"Bagi pembangunan Tapak Pertanian Batang Mitos ini hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah bagi mengusahakan bagi



pengusaha berskala besar memainkan peranan sebagai pemacu, sementara pengusaha berskala kecil berperanan sebagai pendukung industri ternakan melalui *contact farming*, *service provider*, atau pun penyedia perkhidmatan, pembekal baka, pembekal makanan, perkhidmatan *veterinary* dan sebagainya," ujar Yang Berhormat.

Tersedianya Tapak Pertanian Batang Mitos seluas 500 hektar ini, kata Yang Berhormat, ternakan akan menyumbang kepada peningkatan dalam hasil pengeluaran ternakan dalam negara.



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Sistem baru tingkat produktiviti pengeluaran ayam

Laporan : Haji Aliddin Haji Moktal
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Mac. - Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar menjelaskan, pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sedang berusaha untuk menurunkan harga ayam dan telur melalui peningkatan teknologi pengeluaran dengan menukar sistem reban tradisi kepada sistem reban tertutup.

Sistem baru ini, tambah Yang Berhormat akan membolehkan pengeluaran ayam lebih terkawal, meningkatkan produktiviti dan kadar kematian lebih rendah.

Usaha kedua ini jelas Yang Berhormat, dengan menggalakkan penubuhan kilang makanan ternakan di negara ini yang mana telah pun diusahakan oleh sekumpulan pengusaha tempatan secara *consortium*.

"Kilang makanan ini telah pun siap dan telah mula beroperasi sejak bulan Februari tahun ini. Makanan ayam seperti yang dimaklumi merupakan satu faktor yang menyumbang kepada kos iaitu kira-kira 60 peratus daripada kos pengeluaran," kata Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama bagi menjawab soalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Orang Kaya



YANG Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking berhubung kait dengan kenaikan harga ayam dan telur pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Bangunan Dewan Majlis MMN, di sini.

Dengan adanya pengeluaran tempatan kata Yang Berhormat, kos pengeluaran dapat diturunkan kepada kadar yang lebih rendah dan manakala harga ikan naik sebahagiannya adalah disebabkan oleh cuaca yang tidak menentu tetapi pada masa ini Alhamdulillah harga ikan telah pun pulih seperti biasa.

TAPAK ini kata Yang Berhormat, adalah dalam proses untuk menyediakan Plan T. induk yang bergelar 'The Development of Master Plan for Batang Mitos Live Stock Development Area dan Batang Mitos Fruits Development Area' dan dijangka akan siap dalam tahun ini.

Pembekal binatang korban dari sumber dipercayai

Laporan : Haji Aliddin Haji Moktal
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Mac. - Secara umum pembekal binatang-binatang yang dijadikan daging korban di Negara Brunei Darussalam hendaklah dari sumber-sumber yang bebas dari penyakit (*disease free*), pembekal-pembekal yang *reliable* dan pembekal daging yang berkualiti adalah menjadi hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya

Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar menjelaskan perkara tersebut bagi menjawab soalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad berkaitan dengan negara pembekal binatang-binatang yang dijadikan daging korban ke Negara Brunei Darussalam pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Bangunan Dewan Majlis MMN, di sini.

Pada masa ini kata Yang Berhormat, pembekalan daging

merah didapatkan daripada negara-negara bebas penyakit, penyakit yang digelarkan penyakit kaki dan mulut atau pun *foot and mouth disease* iaitu Australia kita akan mendatangkan kerbau, lembu dan kambing, dari New Zealand kita mendatangkan kambing, dari Filipina kita cuma mendatangkan kerbau, dari Indonesia mendatangkan kerbau dan dari Malaysia terutama daripada Sabah dan Sarawak adalah kerbau dan lembu.

Selain bekalan dari negara tersebut, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama tambah Yang Berhormat, juga meneroka untuk mencari bekalan daging kerbau, lembu dan kambing dari negara-negara lain.

Menjunjung Kasih di atas titah, dan keberangkatan baginda



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Mac. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim dalam sembah ucapannya menyembahkan Kehadapan Majlis mengucapkan banyak-banyak menjunjung kasih dengan menyentuh sedikit sebanyak titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Menurut Yang Berhormat, dalam titah itu, baginda menghendaki supaya Ahli-Ahli MMN juga perlu memberikan perhatian kepada isu-isu yang berkaitan dengan kesejahteraan pekerja-pekerja di sektor swasta.

Ujar Yang Di-Pertua ketika mengulas titah baginda, melalui perkembangan dan produktiviti di sektor swasta diharap dapat menyumbang kepada peningkatan sosial ekonomi negara ini.

Menurut Yang Di-Pertua lagi dalam titah baginda itu, "Dengan trend

Laporan : Abdullah Asgar
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

perniagaan dan perdagangan dunia hari ini, para belia kita sangatlah perlu meningkatkan diri dari segi kemahiran dan ilmu pengetahuan dimana dengan kemahiran dan pengetahuan yang tinggi, belia-belia akan menjadi lebih kreatif dan mampu untuk bersaing dan oleh itu, baginda menyarankan supaya perbincangan dalam dewan ini perlulah juga memikirkan isu-isu strategik seperti ini."

Dalam hal ini, jelas Yang Di-Pertua, baginda gembira dengan usaha yang diambil oleh Kementerian Pendidikan dan agensi-agensi lain dalam kerajaan untuk meningkatkan lagi tahap literasi bisnes kepada para belia dan penuntut-penuntut yang menerapkan unsur-unsur *entrepreneurship* pendidikan di Negara ini yang mana memang sudah tiba masanya untuk Negara melahirkan lebih ramai ahli perniagaan yang berjaya dalam kalangan anak-anak tempatan.

Tambah Yang Di-Pertua lagi ketika mengulang akan titah Baginda menjelaskan, yang mana baginda memanjatkan rasa syukur di mana negara kita mempunyai *advantage* yang sangat unik iaitu dalam bentuk keamanan dan kesejahteraan yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita yang mana pada hemat baginda, sewajarnya keamanan dan kesejahteraan itu terus dipupuk dan dipelihara demi pembangunan kerana tanpa keamanan pembangunan tidak akan berjalan dengan lancar dengan baik.

Yang Di-Pertua seterusnya menjelaskan dalam titah Kebawah DYMM itu, yang mana kita mustahak

membangun tanpa semata-mata bergantung kepada hasil eksport minyak dan gas kita, kerana walaupun Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) meramalkan pertumbuhan ekonomi global yang lebih baik bagi tahun 2014, namun masih saja terdapat risiko yang boleh menjejaskan ekonomi di mana saja, tidak terkecuali negara-negara di rantau ini.

Yang Di-Pertua juga menambah, baginda menjelaskan, mempelbagaikan aktiviti perekonomian juga adalah menjadi keutamaan negara dan seterusnya menasihatkan supaya Perkhidmatan Awam perlulah melipatgandakan usaha pada menjadikan negara ini probisnes terutama membantu perusahaan kecil dan sederhana, di samping adalah menjadi dasar kerajaan untuk meningkatkan aktiviti perekonomian di negara ini termasuk berusaha bagi menarik pelaburan asing langsung.

Menyentuh mengenai dengan Pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah pula, Yang Di-Pertua mengimbas kembali titah Kebawah DYMM, di mana dalam titah itu, baginda menjelaskan, pelaksanaan undang-undang ini adalah satu aspek kemajuan besar bukannya seperti yang didakwa oleh setengah pihak sebagai kolot atau berundur ke belakang.

Dalam hal ini Yang Di-Pertua menambah yang mana Kebawah DYMM juga menyentuh mengenai perpaduan dan inilah masanya kita orang-orang Brunei perlu mempamerkan perpaduan kita kerana perpaduan itu adalah benteng dan kekuatan semula jadi.



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim.

Kata Yang Di-Pertua, Kebawah DYMM juga bertitah, agar usahlah dihiraukan sangat apa orang lain kata tentang kita di Brunei kerana mereka itu bukan cukup tahu sebagaimana kita sendiri tahu tentang diri kita dan negara sendiri tetapi yang penting kita sendiri selaku orang Brunei mestilah benar-benar menjadi orang Brunei. Apabila kita bersatu, maka bersatulah selaku orang-orang Brunei. Bersatu tanpa mengira apa jua suku kaum dan pegangan.

Yang Di-Pertua selanjutnya mengulangi titah Kebawah DYMM, begitu juga kita bernegara maka bernegaralah selaku orang-orang Brunei bernegara. Kita berkerajaan maka berkerajaanlah selaku orang-orang Brunei berkerajaan dan kita beraja atau berketua, maka beraja atau berketualah selaku orang-orang Brunei beraja atau berketua iaitu dengan penuh taat setia tanpa berbelah bahagi.

Kata Yang Di-Pertua seterusnya

menekankan titah baginda, inilah tanggungjawab kita semua atas nama rakyat Negara Brunei Darussalam iaitu bersatu padu untuk mendukung dan menyokong dalam pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah. Kepada mereka yang di luar Brunei pula tolonglah hormati kami sebagaimana kami menghormati mereka, titah baginda.

Yang Di-Pertua seterusnya berkata yang mana Kebawah DYMM dalam titahnya berharap MMN Musim Kesepuluh ini akan dapat berlangsung dengan licin dan sempurna serta mampu untuk mencapai objektifnya. Adalah barang sudah tentunya kita menjunjung tinggi dan menani dengan sepenuh hati titah dan harapan baginda itu dengan cara berpadu tenaga dan pemikiran pada merangka dan melaksanakan apa jua usaha yang menjurus kepada pencapaian harapan baginda itu.

Elaun Cuti Tambang kemudahan unik untuk warga PA



MENTERI Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Mac. - Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim menjelaskan bahawa pemberian Elaun Cuti Tambang adalah merupakan satu kemudahan yang dikurniakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada warga Perkhidmatan Awam (PA) bukanlah sebagai satu hak tetapi ianya adalah kemudahan yang amat unik bagi perkhidmatan awam di negara ini sahaja.

Dengan yang demikian, tegas Yang Berhormat, perkara ini perlu difahami oleh semua warga PA bahawa ianya adalah hanya

sebagai satu kemudahan, di mana Kerajaan selaku majikan adalah berhak dari semasa ke semasa untuk membuat sebarang perubahan yang difikirkan perlu ke atas kemudahan-kemudahan yang dihulurkan menurut kemampuan dan keutamaannya.

Perkara ini termasuklah usaha-usaha mengemaskinikan kemudahan-kemudahan tersebut demi mengukuhkan pengurusan kewangan Kerajaan, tegas Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri menjelaskan demikian ketika menjawab perkara yang ditimbulkan kan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad (Temburong) di Majlis Mesyuarat Pertama Dari

Laporan : Abdullah Asgar
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara yang berlangsung di Bangunan Majlis Mesyuarat Negara, di sini.

Menurut Yang Berhormat, kemudahan tersebut adalah bersesuaian dengan langkah-langkah lain yang diambil oleh Kerajaan sebagai satu pakej dalam mengemaskinikan peraturan tersebut.

Sebagaimana yang dimaklumi, dalam pengemaskinian peraturan tersebut, jelas Yang Berhormat, ialah para anggota PA juga turut dihulurkan beberapa manfaat dan faedah-faedah yang lain antaranya ialah Pegawai dan kakitangan wanita yang berkhidmat dengan Kerajaan telah dibolehkan untuk menuntut Elaun Tambang bagi suami mereka yang bukan dalam perkhidmatan Kerajaan dan juga bagi anak-anak mereka mengikut syarat-syarat yang tertentu.

Sebelum perubahan ini, kemudahan seperti ini hanya dihulurkan kepada pegawai dan kakitangan lelaki sahaja bagi isteri mereka yang tidak berkhidmat dengan Kerajaan. Maka ini adalah bertujuan untuk menseimbangkan kemudahan yang dihulurkan bagi semua peringkat pegawai dan kakitangan Kerajaan terutamanya pekerja-pekerja wanita.

Sebelum perubahan ini, kemudahan seperti ini hanya dihulurkan kepada pegawai dan kakitangan lelaki sahaja bagi isteri mereka yang tidak berkhidmat

dengan Kerajaan. Maka ini adalah bertujuan untuk menseimbangkan kemudahan yang dihulurkan bagi semua peringkat pegawai dan kakitangan Kerajaan terutamanya pekerja-pekerja wanita, jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) berkata, tempoh perkhidmatan bagi kelayakan untuk dikurniakan tambang bagi menunaikan fardu haji juga telah dipendekkan daripada 15 tahun kepada hanya 12 tahun perkhidmatan. Pengemaskinian ini adalah untuk memudahkan lagi pegawai dan kakitangan Kerajaan untuk menunaikan fardu haji lebih awal dan dalam usia yang lebih muda berbanding sebelumnya.

Di samping itu tambahanya, Kerajaan juga telah bermurah hati menaikkan kadar kurnia tambang bagi menunaikan fardu haji yang mana alhamdulillah sekurang-kurangnya sedikit sebanyak dapat juga meringkankan kos perbelanjaan bagi menunaikan ibadat ini.

Semua faedah dan kemudahan baru yang disediakan ini secara realitinya sudah setentunya akan meningkatkan perbelanjaan Kerajaan, di mana setiap tahun Kerajaan telah membelanjakan diantara BND44.5 juta ke BND57.5 juta bagi menampung perbelanjaan elaun cuti tambang ini sahaja dan pada Tahun Kewangan 2013/2014 sehingga

28 Februari 2014 ini Kerajaan telah menghulurkan sebanyak BND52 juta bagi pemberian Elaun Cuti Tambang ini, jelas Yang Berhormat.

Ke arah itu tambah Yang Berhormat, Kerajaan perlulah menseimbangkan dan menampung kenaikan perbelanjaan ini melalui pengawalan perbelanjaan-perbelanjaan lain mengikut keutamaan.

"Dalam kesempatan ini kaola ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya akan melihat perkara yang berkaitan kemudahan yang dihulurkan kepada anggota perkhidmatan awam ini secara holistik dengan mengambil kira bukan sahaja dari *sustain* sumber malahan juga dasar-dasar yang berkaitan dengan pembukaan peluang pekerjaan di sektor swasta," ujar Yang Berhormat.

Menurutnya, setakat ini kesejahteraan warga perkhidmatan awam sentiasa diberi perhatian yang sewajarnya malahan kemudahan-kemudahan yang dihulurkan adalah antara yang terbaik berbanding dengan sektor-sektor perkhidmatan awam di negara-negara lain.

Setentunya cadangan-cadangan bagi meningkatkan lagi kemudahan dan faedah yang hanya dihulurkan kepada anggota perkhidmatan awam sahaja akan bercanggah dengan hasrat untuk menggalakkan anak-anak tempatan untuk merebut peluang pekerjaan di sektor swasta dan sedikit sebanyak akan menjejaskan inisiatif-inisiatif Kerajaan yang dilaksanakan secara berterusan ketika ini khususnya bagi menarik minat anak-anak tempatan bekerja di sektor swasta, jelas Yang Berhormat.

MENANGANI ISU SOSIAL KALANGAN PELAJAR

Nilai akhlak, sikap positif terus dipupuk



Laporan : Aimi Sani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Muhammad Taha bin Abd. Rauf pada sesi perbincangan pada Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha membangkitkan isu masalah sosial seperti berkelahi, buli-membuli, mencuri, membawa barang-barang yang ditegah seperti pisau, perkumpulan haram, peras ugut dan merokok yang berlaku di sekolah-sekolah rendah.

Inisiatif-inisiatif dilaksanakan, jelas Menteri Pendidikan adalah seperti mengadakan kem motivasi, ceramah remaja, kempen-kempen kepimpinan, program-program keremajaan, bengkel-bengkel untuk ibu bapa, program-program kokurikulum serta kefahaman nilai-nilai murni yang diterapkan melalui kurikulum.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Mac. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong berkata, sebagai langkah berterusan, kementeriannya sentiasa berusaha mengukuhkan pelbagai inisiatif bertujuan untuk memupuk nilai-nilai akhlak dan sikap positif dalam kalangan para pelajar berdasarkan nilai Melayu Islam Beraja (MIB).

Menteri Pendidikan menegaskan perkara itu ketika menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji

menjelaskan, kementeriannya dengan kerjasama Institut Pendidikan Sultan Hassan Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam sedang melaksanakan satu penyelidikan yang lebih komprehensif mengenai masalah sosial di sekolah-sekolah rendah kerajaan dengan mengikut metodologi yang diperakui serta instrumen yang sah supaya ia menghasilkan dapatan yang jelas dan bukan samar-samar.

"Laporan akhbar Yang Berhormat menyatakan sebentar tadi itu adalah hasil daripada kajian awal yang telah menyenaraikan pelbagai jenis masalah sosial termasuk tidak, jarang, atau lewat hadir ke sekolah, mencuri, berkelahi, buli, pengabaian ibu bapa, malas belajar, tidak membuat kerja rumah, pemugut, membawa barang-barang terlarang, membuang sampah di merata-rata tempat, peras ugut dan menggunakan bahasa kasar," jelas Menteri Pendidikan.

Kajian ini, jelas Menteri Pendidikan, hanya berdasarkan 91 responden sahaja, maka dengan demikian ia tidak begitu

representatif.

"Tidak dapat dinafikan adanya masalah-masalah yang boleh dikategorikan sebagai masalah sosial dalam skop yang luas sebagaimana yang saya nyatakan yang mana dapatan kajian ini melakarkan pandangan reflektif serta interpretasi mengenai dengan rupa dan bentuk masalah sosial yang berpunca dari bermacam-macam sebab dan keadaan," ujar Menteri Pendidikan.

Dapatan kajian tersebut, jelas Menteri Pendidikan, menunjukkan secara kasar jenis-jenis masalah sosial yang kerap berlaku di sekolah-sekolah kerajaan, dengan masalah murid tidak, jarang dan lewat hadir ke sekolah merupakan yang paling banyak terjadi di sekolah, diikuti oleh masalah murid berkelahi, pengabaian ibu bapa di mana hanya ada dua kes sahaja yang membawa barang terlarang iaitu *key holder* yang berbentuk pisau.

Menteri Pendidikan menegaskan, dapatan awal dari kaji selidik berkenaan sebenarnya belum dapat memberikan gambaran yang jelas mengenai punca-punca masalah sosial tersebut.

Walau bagaimanapun, jelas



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Menteri Pendidikan, refleksi dari dapatan kajian awal ini menggambarkan yang usaha bersepadu dan menyeluruh di antara semua pihak dan lapisan masyarakat adalah sangat perlu sama ada di peringkat kementerian mahupun masyarakat umum khususnya keterlibatan langsung para ibu bapa dan penjaga.

Menteri Pendidikan berkata, masih terdapat banyak ruang penambahbaikan perlu dibuat ke atas metodologi atau kaedah kaji selidik berkenaan.

Pendidikan awal penuntut prasekolah terus dipantau

Laporan : Aimi Sani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



YANG Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Mac. - Negara Brunei Darussalam menurut kajian yang dijalankan oleh konsultan dari International Child Resources Institute (ICRI) California, Amerika Syarikat, mempunyai potensi untuk menjadi contoh kepada negara-negara lain di rantau ini dari segi proses pengajaran dan pembelajaran di peringkat pendidikan prasekolah.

Kajian juga menunjukkan bahawa lebih ramai guru prasekolah diperlukan untuk dilatih sebagai guru-guru prasekolah jika pendidikan kanak-kanak berumur seawal tiga atau empat tahun ditawarkan

kepada semua di negara ini.

Demikian dinyatakan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abd. Hamid mengenai Pendidikan Awal atau 'Early Education' bagi penuntut Prasekolah di antara umur tiga ke lima tahun pada sesi perbincangan dalam Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

Yang Berhormat Menteri Pendidikan berkata, kajian tersebut juga menyarankan bagi

Unit Pemedulian-Pemedulian dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak untuk membangunkan dan mengimplementasikan kurikulum tersendiri yang berjenama Brunei dan dalam konteks ini, seperti saranan Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli berlandaskan Melayu Islam Beraja (MIB) dan menyesuaikan kurikulum yang sedia ada dengan keperluan tempatan yang relevan dengan konteks budaya dan pendidikan di negara ini.

Kajian berkenaan, jelasnya, juga menyarankan untuk meluaskan lagi penawaran latihan di universiti dan menubuhkan pusat-pusat latihan di negara ini termasuk latihan 'online' yang akan diiktiraf oleh institusi-institusi atau badan-badan ternama antarabangsa.

"Dalam masa yang sama tanpa menunggu hasil kajian ini, adalah menjadi hasrat dan tanggungjawab Kementerian Pendidikan untuk terus berusaha memantapkan kapasiti tenaga pengajar yang mengajar kanak-kanak berumur lima tahun di kelas prasekolah pada masa ini.

Program pembangunan guru sentiasa dijalankan oleh Unit Pemedulian dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak dengan menggunakan tenaga kepakaran tempatan dalam pendidikan awal kanak-kanak. Selain itu juga, unit tersebut mempunyai kakitangan yang berpengalaman sebagai guru prasekolah dan berkelulusan khusus dalam Early Childhood Care and Education yang mampu membimbing guru-guru lain di sekolah-sekolah," tambah Yang Berhormat.

Kementerian Pendidikan, jelasnya, menghargai khidmat sukarelawan terdiri daripada

belia yang sedang menunggu keputusan peperiksaan mereka di peringkat 'O' dan 'A' dalam membantu guru-guru prasekolah.

"Dengan mengikuti latihan pendek guru-guru pembantu di dalam kelas prasekolah telah dapat membantu keperluan kanak-kanak dari segi sosial dan emosional. Selain membantu guru-guru darjah bagi kelas-kelas biasa, para sukarelawan juga membantu menjaga keselamatan kanak-kanak yang mempunyai keperluan khas di mana mereka akan memberikan perhatian yang diperlukan oleh kanak-kanak berkenaan," tambah Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat berkata, bagi tempoh jangka panjang ialah penyediaan program bagi



YANG Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid.

meningkatkan taraf pendidikan para tenaga guru prasekolah melalui Latihan Dalam Perkhidmatan dalam pengkhususan pendidikan awal kanak-kanak dan seterusnya ialah pembentukan kerangka kebangsaan yang berkualiti bagi pemedulian dan pendidikan awal kanak-kanak berumur daripada 0 hingga 5 tahun iaitu 'The National Quality Framework For Early Childhood Care And Education Age 0 to 5' yang telah bermula sejak akhir tahun 2012.

Menurutnya, satu Jawatankuasa Kerja telah dilantik untuk merangka piawaian bagi mengawal kualiti pemedulian dan pendidikan awal kanak-kanak demi menjaga dan memelihara kesejahteraan mereka yang mana antara bidang yang akan diberi kawalan termasuklah kurikulum dan pencapaian pembelajaran Learning Outcomes, Pedagogi, penilaian, infrastruktur fizikal, etika guru dan pekerja dan kelulusan para guru.

Kajian ini, ujar Menteri Pendidikan, masih berjalan dan dijangka akan selesai pada bulan April 2014 dan beliau yakin hasil kajian ini setentunya akan memberikan gambaran untuk memikir dan menimbangkan apakah rancangan-rancangan lanjut yang perlu dilaksanakan.

Terdahulu, Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli mengalu-alukan komitmen Kementerian Pendidikan untuk membuat pelaburan dalam Pendidikan Awal dan menjadikannya antara agenda utama dalam Pembentukan Strategi dan Polisi, Kementerian Pendidikan 2007 - 2017.



Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kespuluh Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2014



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berserta kerabat diraja berkenan bergambar ramai bersama Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Ahli MMN, Jurutulis I (Pertama) kepada MMN, Jurutulis II (Kedua) kepada MMN dan Timbalan Jurutulis MMN. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

Resepsi Makan Malam MMN tanda penghargaan

Laporan : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 7 Mac. - Majlis Resepsi Makan Malam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) Musim Ke-10 telah diadakan bertempat di Dewan Bankuet, Bangunan MMN, di sini.

Majlis Resepsi Makan Malam tersebut dihoskan oleh Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila

Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa semasa menghadiri Majlis Resepsi Makan Malam Persidangan Majlis MMN Ke-10.

Utama Haji Awang Ibrahim.

Antara yang hadir pada majlis berkenaan ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Yang Berhormat Ahli-Ahli MMN, Jurutulis I (Pertama) kepada MMN, Jurutulis II (Kedua) kepada MMN dan Menteri-Menteri Kabinet serta Timbalan-Timbalan Menteri.

Hadir sama ialah Jemputan-Jemputan Khas, Duta-Duta Besar Istimewa dan Mutlak dan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tinggi di Negara Brunei Darussalam, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-Ketua Jabatan, Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung serta Jabatan-Jabatan yang menjadi Jawatankuasa Bersama bagi Persidangan MMN Ke-10.

Majlis Resepsi Makan Malam Persidangan MMN Ke-10 diadakan sebagai tanda penghargaan di atas kerjasama yang telah diberikan dalam memastikan kelancaran dan kesempurnaan Persidangan MMN Musim Ke-10 pada tahun ini.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-10 MMN telah sempurna dibuka rasmi pada 6 Mac 2014 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



YANG Berhormat Ahli-ahli MMN semasa menghadiri Majlis Resepsi Makan Malam tersebut.

MAJLIS Resepsi Makan Malam Persidangan MMN Ke-10 diadakan sebagai tanda penghargaan di atas kerjasama yang telah diberikan dalam memastikan kelancaran dan kesempurnaan Persidangan MMN Musim Ke-10 pada tahun ini.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-10 MMN telah sempurna dibuka rasmi pada 6 Mac 2014 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



YANG Di-Pertua MMN dan Yang Berhormat Ahli-ahli MMN semasa menghadiri Majlis Resepsi Makan Malam tersebut (atas dan bawah).



MUIB terima lawatan rombongan PPZ



Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 Februari. - Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), hari ini, telah menerima lawatan daripada rombongan Pusat Pembangunan Zakat (PPZ), Malaysia bertempat di Bilik Dahlia, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Hadir bagi mengalu-alukan rombongan, Pemangku Setiausaha Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Sapar.

Rombongan disertai oleh lapan pegawai dan kakitangan PPZ yang diketuai oleh

JABATAN Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) telah menerima lawatan daripada rombongan Pusat Pembangunan Zakat (PPZ), Malaysia.

Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Setiausaha Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Yang Berbahagia Datuk Haji Che Mat bin Che Ali.

Antara objektif lawatan selama sehari adalah untuk mengeratkan silaturrahim di antara PPZ dan Jabatan MUIB dalam sama-sama berkongsi pengetahuan dan pendapat dalam bidang ilmu zakat.

Pada lawatan itu, rombongan juga diperdengarkan satu taklimat ringkas mengenai pengurusan zakat di Negara Brunei Darussalam yang disampaikan oleh Pemangku Timbalan Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Datin Hajah Mahani binti Haji Musa.

Surah Yaa Siin mengandungi banyak fadilat

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

SERIA, Selasa, 25 Februari. - Surah Yaa Siin termasuk Surah Makkiyah dan surah tersebut meliputi akidah umat sebelum Nabi Muhammad berjuang perjuangannya sebagai Rasulullah dalam menyampaikan risalah kenabian, keagungan Allah dan kepelbagaian perlakuan manusia.

Guru Ugama Terlatih, Awang Mohd. Ikhwan bin Irwandy menerangkan berbagai fadilat membaca Surah tersebut antaranya kata beliau, Al-Tirmizi meriwayatkan sebuah hadis daripada Anas Radiallahuan daripada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, baginda bersabda maksudnya : “Sesungguhnya setiap sesuatu mempunyai hati dan hati Al-Qur’an ialah Surah Yaa Siin. Sesiapa yang membacanya Surah Yaa Siin, nescaya Allah akan mencatat pahala untuknya disebabkan bacaan Surah Yaa Siin tersebut menyamai sepuluh kali bacaan Al-Qur’an.”

Awang Mohd. Ikhwan menyatakan

demikian, semasa menyampaikan tazkirah di Program Keagamaan Senegara bagi Februari tahun ini dengan aktiviti kali ini Membaca Surah Yaa Siin yang diadakan di Dewan Serbaguna Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa’adatul Bolkiah, di sini.

Beliau juga memetik sabda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, yang diriwayatkan oleh Anas Radiallahuan yang bermaksud : “Sesiapa yang memasuki perkuburan orang Islam lalu membaca Surah Yaa Siin, Allah akan meringankan azab daripada penghuni kubur pada hari itu dan pembacanya pula akan beroleh kebaikan sebanyak bilangan hurufnya.”

Program Keagamaan Senegara bagi Februari tahun ini diadakan serentak di semua sekolah agama seluruh negara dan sebuah sekolah dari setiap daerah telah dipilih sebagai pusat tumpuan program dan bagi Daerah Belait, pusat

tumpuan di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa’adatul Bolkiah, Seria.

Hadir membuat pemantauan pelaksanaan program, Pegawai Pengajian Islam, Jabatan Pengajian Islam (JPI) Daerah Belait, Dayang Hazalina binti Dhalan.

Pengisian program meliputi tazkirah disampaikan oleh Awang Mohd. Ikhwan bin Irwandy, diikuti dengan bacaan Surah Al Faatihah dan Surah Yaa siin diketuai oleh Awang Haji Ibrahim bin Haji Mat Daud serta diakhiri dengan doa kesyukuran sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan bacaan doa peliharakan sultan dan negara disampaikan oleh Awang Abdul Aziz bin Haji Abdi Manaf.

Lebih 450 murid Pra, Darjah 1, 4, 5 dan 6 bersekolah sesi awal sebelah petang mengikuti program anjuran JPI Kementerian Hal Ehwal Ugama bertujuan untuk menanam dan memupuk kefahaman tentang agama Islam serta menanamkan roh keagamaan dan kebiasaan mengamalkan ajaran-ajaran Islam dalam diri

setiap orang kanak-kanak dan juga masyarakat umum.

Matlamat program membaca Surah Yaa Siin bagi memohon hajat kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat bertepatan dengan misi JPI bagi melahirkan masyarakat yang

berpendidikan agama dan beramal menurut Al-Qur’an serta membaca Surah Yaa Siin juga termasuk ibadah, amal soleh dan memberi rahmat serta manfaat bagi yang melakukannya, memberi cahaya ke dalam hati yang membacanya.

Kelahiran Rasulullah sentiasa diingati



PARA pelajar Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah Diploma I dan Diploma II dan Kursus HN TAC mendengar ceramah maulidur rasul.

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Isnin, 3 Mac. - Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah (MKJB) telah mengadakan ceramah maulidur rasul bagi memperingati kelahiran Nabi junjungan kita, Nabi Muhammad Sallahu Alaihi Wasallam.

Ceramah bertajuk ‘Rasulullah Pembawa Rahmat’ disampaikan oleh penceramah tetap dari Pusat Da’wah Islamiah, Awang Haji Amin bin Mohd. Yassin yang menjelaskan mengenai sahsiah dan akhlak peribadi Nabi Muhammad Sallahu Alaihi Wasallam yang patut dicontohi oleh umat Islam terutama generasi muda.

Mesej yang disampaikan dalam ceramah itu mendukung objektif-objektif majlis tersebut diadakan antaranya memastikan para pelajar bukan hanya memperingati kelahiran Baginda, malahan juga untuk membudayakan kehidupan yang berlandaskan kepada Islam dan menanamkan rasa cinta dan mentakmirkan masjid dalam kalangan warga belia.

Selain itu juga, untuk mengenal pasti bakat dan potensi pelajar dan meningkatkan penyertaan pelajar dalam aktiviti keagamaan terutama dalam aktiviti-aktiviti ko-kurikulum seperti pertandingan Dikir Syarafil Anam, Dikir Dabaie dan seumpamanya.

Timbalan Pengetua MKJB, Awang Burhan bin Haji Jais hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang diadakan di Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan, di sini.

Kira-kira lebih 200 pelajar Diploma I dan Diploma II dan Kursus HN TAC menghadiri majlis ceramah yang merupakan salah satu aktiviti Jabatan Pengajian Ugama Maktab dalam mendukung konsep negara Melayu Islam Beraja (MIB) dan ke arah merealisasikan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menjadikan negara sebagai negara zikir melalui bacaan ayat suci Al-Qur’an (Surah Al Mulk) dan Solat Fardu Asar Berjemaah.



BACAAN Surah Yaa Siin beramai-ramai diketuai oleh Awang Haji Ibrahim bin Haji Mat Daud (atas), sementara Pegawai Pengajian Islam, Jabatan Pengajian Islam (JPI) Daerah Belait, Ustazah Hazalina binti Dhalan hadir di program tersebut bersama (bawah).



UBD - UAS tandatangani MoU perubatan

Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



PEMANGKU Dekan Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam, Dr. Dayangku Nurolaini binti Pengiran Haji Muhd Kifli dan Ketua Sekolah Perubatan dan Pergigian, Universiti Aberdeen Scotland, Profesor David M.Reid menandatangani Memorandum Persafahaman, di The Core, UBD.

TUNGKU LINK, Isnin, 3 Mac. - Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, (PAPRSB), Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Universiti Aberdeen, Scotland (UAS) menandatangani perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU), bertempat di The Core, UBD, di sini.

Menandatangani bagi pihak Institut Sains Kesihatan PAPRSB UBD ialah Pemangku Dekan institut berkenaan, Dr. Dayangku Nurolaini binti Pengiran Haji Muhd. Kifli, manakala pihak UAS pula ditandatangani oleh Ketua Sekolah Perubatan dan Pergigian, UAS, Profesor David M.Reid.

Sementara itu, Dr. Dayangku Nurolaini dalam kata alu-aluannya menjelaskan, dengan termeterainya MoU tersebut sudah setentunya akan mengukuhkan lagi hubungan yang sedia ada dengan UAS, di samping akan mewujudkan kerjasama yang rapat dari segi pertukaran kakitangan, pertukaran mahasiswa serta kerjasama penyelidikan.

Jelasnya, MoU itu juga akan menyediakan lebih banyak penempatan klinikal bagi mahasiswa UBD sekali gus akan meningkatkan pengalaman pembelajaran mereka secara berterusan dalam Program MBBS mereka di UAS.

Di samping itu katanya, melalui MoU itu UBD akan dapat meneroka peluang bagi Sains Bio-Perubatan dan membolehkan mahasiswa Kejururawatan/Perbidanan belajar di UAS untuk program tahun penemuan mereka.

Peraduan Mewarna Logo Hari Kebangsaan mendapat sambutan

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg.Osman

TUTONG, Ahad, 2 Mac. - Hani Maisarah binti Mohd Zaki yang mewakili Sekolah Rendah Penanjong dan Fatin Nursyahiqmah binti Rosini dari Sekolah Publik Tutong

masing-masing muncul juara Peraduan Mewarna Logo-Logo Hari Kebangsaan 2014.

Hani Maisarah juara bagi kategori umur sembilan hingga 12 tahun, manakala Fatin Nursyahiqmah pula kategori umur enam hingga lapan tahun.

Naib juara kategori umur sembilan hingga 12 tahun ialah Sabirah binti Sahlan dari Sekolah Rendah Dato Pemanha Saging Ukong Tutong dan tempat ketiga ialah Mohd Aiman Hayat bin Haji Abd Zamri pelajar dari Sekolah Rendah Pantai Berakas.

Sementara naib juara kategori umur enam hingga lapan tahun ialah Srinazrul Haziq bin Srinarawie dari Sekolah Rendah Abd Rashid Tanjong Maya dan ketiga disandang oleh Md Hadif Syahni bin Azrin dari Sekolah Rendah Kerima dan tujuh pemenang lain bagi setiap umur menerima hadiah saguhati.

Peraduan Mewarna tersebut berlangsung pagi tadi di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Tutong, di sini.

Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Mohd Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd Yunus hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan hadiah kepada pemenang tempat ketiga Kategori A.

Peraduan anjuran DBP, KKBS bertujuan untuk memupuk semangat rasa cinta kepada bangsa, agama dan negara seterusnya bagi menyemai sikap patriotik dan jati diri dalam kalangan tunas bangsa dengan tema 'Generasi Berwawasan'.

Bagi umur enam hingga lapan tahun disertai oleh 100 peserta dan umur sembilan hingga 12 tahun disertai oleh 110 peserta.

Acara serupa akan diadakan di Taman Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, Brunei dan Muara pada 9 Mac, Daerah Belait di Dewan Bandaran Kuala Belait pada 16 Mac dan di Dewan Belalong, Temburong pada 23 Mac nanti.

Hadir di majlis itu ialah Pengarah DBP, Dayang Hajah Aminah binti Haji Momin.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Mohd Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd Yunus hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan hadiah kepada pemenang tempat ketiga Kategori A.



SETIAUSAHA Tetap KKBS semasa menyampaikan hadiah kepada pemenang tempat pertama Kategori B.

Ibu tua uzur terlantar bersendirian

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

SERIA, Ahad, 2 Mac. - Seorang ibu daif dan uzur ditinggalkan seorang diri dalam keadaan kelaparan kerana tidak makan selama empat hari di sebuah pondok setinggan di kawasan berhampiran dengan jambatan besi masuk ke Kampung Baru Seria.

Dayang Nur Napisah binti Abdullah berusia 62 tahun merupakan mualaf berbangsa Iban dan balu kepada Allahyarham Japar bin Abdullah, telah ditemui oleh sanak saudara yang baru mengetahui keadaan beliau yang terbiar dengan masih memakai baju khas Rumah Sakit Suri Seri Begawan.

Keadaan Dayang Nur Napisah yang sakit dan terlalu uzur itu telah menarik perhatian dan tindakan segera daripada Pengerusi Canang Citra Event Management (CCEM), Awang Haji Zaini bin Haji Munir yang pergi ke pondok ibu tua terbiar pagi tadi setelah menerima berita melalui aplikasi 'Whatsapp' daripada Dayang Jane Ndra dan bagi pihak CCEM juga telah menghulur sumbangan berbentuk makanan.

Pihak CCEM telah diberi kepercayaan untuk membantu menguruskan ibu tersebut yang ditinggalkan terdampar seorang diri di sebuah rumah setinggan di kawasan berhampiran dengan jambatan besi masuk ke Kampung Baru Seria.

Ibu daif ini diberitahu oleh anak buah beliau Chalanga Anak Kalang, "Kami menemui beliau dalam keadaan kelaparan kerana tidak makan selama empat hari dan ditinggalkan dalam keadaan yang terlalu uzur dan lemah serta kurus. Bukan itu saja keadaan di dalam rumahnya gelap kerana tiada bekalan arus elektrik, mahu pun paip air".

Dalam rumah beliau tidak ada pengudaraan serta berbau busuk kerana tidak ada yang membersihkannya, lantai rumah juga sudah usang, walaupun beliau dikatakan mempunyai tiga orang anak yang masih ada, dari enam orang adik-beradik namun tidak ada yang membantu menguruskan buang air kecil dan air besar lalu terpaksa bergelung dengan najis. Selain itu,

beliau hanya menggunakan kain buruk sebagai lampin dan pakaiannya tidak pernah bertukar sejak dikeluarkan dari Rumah Sakit Suri Seri Begawan Kuala Belait.

Pinak CCEM bersama wartawan Media Permata, PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, dan juga pihak JAJEM telah berkunjung meninjau keadaan ibu daif ini dan khuatir dengan keadaan beliau yang bersendirian dan dalam keadaan sakit lalu bersepakat untuk meminta bantuan ambulan Daerah Belait untuk dimasukkan ke dalam wad bagi menerima rawatan selanjutnya.

Setelah ditempatkan di wad 11 Rumah Sakit Suri Seri Begawan, di mana ibu ini dibersihkan tubuh badannya dengan dimandikan dan rambut dipotong rapi dan Alhamdulillah ibu daif ini dalam keadaan bersih dan sudah berselera makan bubur nasi.

Perkara ini telah diambil maklum oleh Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman dan beliau telah memberi sokongan terhadap usaha berkebakikan ini dan akan mengarahkan pihak berwajib untuk mengambil tindakan



IBU daif, Dayang Nur Napisah binti Abdullah, 62, dibawa ke Rumah Sakit Suri Seri Begawan untuk dirawat.

bagi pengurusan selanjutnya.

Penghulu Mukim Seria yang juga Pemangku Ketua Kampung Pekan Seria Awang Haji Jamail bin Linap yang masih menguruskan acara Anugerah Kampung Cemerlang dan Satu Kampung Satu Produk di acara Brunei Regata juga sudah maklum dan juga akan memberi apa juga bentuk bantuan dan kebajikan yang

bersesuaian dengan keperluan beliau.

Kepada orang ramai 'Dermawan Berhati Emas' yang berniat untuk menghulurkan bantuan kewangan atau bantuan berbentuk sedekah boleh terus berkunjung ke Rumah Sakit Suri Seri Begawan Kuala Belait. Pihak Jabatan Ugama Daerah Belait juga ada datang melawat dan meninjau keadaan beliau.



Persiap pelajar dengan kecekapan

PENGETUA Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah Lumut, Cikgu Hajah Murni binti Abdullah semasa menyampaikan ucapan dan seterusnya menyempurnakan pelancaran projek.

SERIA, Khamis, 27 Februari. - Projek Kluster 5 memberikan pendidikan kepada pelajar-pelajar pemimpin sekolah bagaimana berperanan sama dalam masyarakat dan ekonomi pada Abad ke-21.

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

Sehubungan itu, seramai 40 orang dalam kalangan pelajar pemimpin dari lima buah Sekolah Menengah Kluster 5 Daerah Belait telah menyertai Fasa Kedua Projek Sekolah Menengah Kluster 5 'Mirror-Mirror On The Wall'.

Sekolah-sekolah yang menyertai

projek meliputi Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Sekolah Menengah PJN Pg. Haji Abu Bakar Mumong, Sekolah Menengah Perdana Wazir, Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah Lumut dan Maktab Anthony Abell, Seria.

Projek merupakan yang pertama dikendalikan oleh Maktab Anthony Abell, Seria diadakan selama empat hari telah disempurnakan pelancarannya oleh Pengetua Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah Lumut, Dayang Hajah Murni binti Abdullah yang diadakan di Maktab Anthony Abell, Seria di sini.

Projek merupakan adaptasi pengalaman Timbalan Pengetua Pentadbiran Maktab Anthony Abell, Seria, Dayang Halizawati binti Haji Kepli semasa berada di Singapura pada tahun lepas dan dihasratkan dapat memberikan manfaat kepada para pelajar serta turut diharapkan supaya projek tersebut akan dapat dilaikan oleh guru-guru ke sekolah masing-masing.

Antara yang hadir di majlis pelancaran termasuk Pengetua Maktab Anthony Abell, Seria, Dayang Aliyyah Rahagi binti Md. Deli.

Matlamat projek untuk membantu mendidik para peserta kepada lima fokus nilai-nilai utama meliputi bijak membuat pilihan, bijak menyelesaikan masalah, berkomunikasi, bertanggungjawab dan kreativiti.

Di samping itu, setiap sekolah perlu membuat persiapan kepada pelajar-pelajarnya untuk memiliki kecekapan seperti kreativiti, inovasi, bijak menyelesaikan masalah, pemikiran kritis, bijak membuat keputusan, berkomunikasi dan bekerjasama.

Sekolah juga perlu untuk

menyemarakkan nilai teras yang memimpin pelajar-pelajarnya untuk mempunyai sikap bersopan santun, hormat-menghormati, bekerjasama, saling bantu-membantu, mempunyai tanggungjawab kepada diri sendiri dan juga masyarakat sekeliling mereka.

Projek tersebut dibahagikan kepada tiga fasa, yang pertama adalah bagi penyertaan guru-guru Hal Ehwal Pelajar, guru-guru kanan dan guru-guru yang mengendalikan pelajar-pelajar berisiko tinggi dan seterusnya akan menjadi fasilitator kepada fasa kedua projek berkenaan.

Manakala dalam fasa kedua, setiap sekolah Kluster 5 akan menghantarkan seramai lapan orang pelajar sebagai wakil terdiri daripada pelajar-pelajar pemimpin seperti ketua kelas dan sebagainya.

Fasa ketiga pula yang dijangka akan berlangsung pada bulan Mei nanti dijangka akan disertai oleh kira-kira 100 orang pelajar yang berisiko tinggi dan setiap sekolah menghantarkan 20 orang pelajar sebagai wakil peserta.

Dalam fasa ketiga projek tersebut fasilitator terdiri daripada peserta-peserta yang telah menyertai fasa kedua. Pelajar-pelajar yang berisiko tinggi yang akan menyertai fasa ketiga projek itu nanti akan dipilih melalui rekod disiplin, mempunyai masalah keluarga, masalah penyakit, dan sebagainya.

Pelbagai aktiviti yang mencabar dari segi fizikal dan minda telah disediakan melalui projek tersebut,

kesemuanya ke arah memberikan pengalaman baru kepada peserta pelajar, dalam konteks pembangunan dan meningkatkan peluang kepada peserta untuk lebih maju dalam segi pembelajaran mereka.

Penutup projek dijangka akan diadakan di Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah Lumut pada hari Sabtu dengan penyampaian sijil penyertaan kepada para peserta oleh tetamu kehormat sebagai memberikan semangat kepada mereka.

Hari Konsultasi MKJB membuka minda pengunjung

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Khamis, 27 Februari. - Maktab Kejuruteraan [Jefri Bolkiah (MKJB) kini membukakan tawaran lima kursus diploma sepenuh masa dua tahun program akademik.

Kursus yang ditawarkan mengandungi empat semester meliputi dua semester pertama berada di maktab dan dua semester lagi gabungan pengalaman di maktab dan penempatan kerja diselia.

Kursus-kursus yang ditawarkan meliputi Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan, Kejuruteraan Komputer, Rangkaian Komputer, Kejuruteraan Mekatronik dan Kejuruteraan Marin, manakala kursus HNTEC dalam Instrumentasi dan Kejuruteraan Kawalan dan Kejuruteraan Loji merupakan penambahan terbaru kursus yang ditawarkan pada tahun ini.

Untuk mendapatkan informasi lanjut mengenai tawaran kursus, MKJB sedang mengadakan Hari Konsultasi selama dua hari bermula hari ini di Dewan Serbaguna Maktab tersebut.

Pemohon yang berminat hadir ke acara tersebut terdiri daripada pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah yang dijemput, graduan dan juga orang awam termasuk ibu bapa yang menemani anak-anak mereka.

Semasa acara tersebut, para pemohon membawa bersama surat perakuan dan dokumen kelayakan sambil menunggu giliran untuk menanyakan mengenai kelayakan bagi mengikuti program-program yang ditawarkan, yang mana maklumat lanjut mengenai semua kursus itu dijelaskan secara langsung oleh kakitangan maktab dari jabatan-jabatan berkaitan yang berada di acara tersebut.

Acara berkenaan bukan sahaja akan memberi manfaat kepada



PARA pelajar yang datang bersama orang tua mereka menerima layanan dan penerangan daripada kakitangan maktab dari jabatan-jabatan berkaitan mengenai kursus-kursus yang ditawarkan. Sementara gambar bawah, pelajar-pelajar ini menunjukkan hasil ciptaan mereka 'Mobile Smart Security System Control by PIC'.



pengunjung dengan membantu pemohon yang berpotensi untuk mendapatkan pandangan yang jelas mengenai keperluan untuk memasuki kursus-kursus yang ditawarkan tetapi juga untuk membolehkan mereka mendapatkan pengalaman intim persekitaran maktab, komuniti dan kemudahan yang disediakan.

Bagi memeriehkan acara tersebut, pelajar-pelajar MKJB juga mengadakan pameran mengenai kursus-kursus yang

mereka ikuti dan pameran ciptaan mereka, manakala di luar bangunan dewan pula diadakan 'Mini Fair'.

MKJB berusaha untuk terus membentuk pelajar yang berpotensi menjadi tenaga manusia dalam kejuruteraan berkualiti yang terkemuka, memiliki pengetahuan teknikal yang kukuh dan mendalam untuk belajar, merangkumi pembangunan rohani yang sihat dan identiti budaya selaras dengan prinsip negara, Melayu Islam Beraja (MIB).



PENGETUA-PENGETUA dan timbalan-timbalan pengetua sekolah menengah Kluster 5 yang antara menyertai projek hadir di majlis berkenaan.

Hari Terbuka SVW 8 hingga 10 Mac 2014

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Mac. - Sekolah Vokasional Wasan (SVW) akan mengadakan Hari Terbuka pada 8, 9 dan 10 Mac 2014 dari pukul 9.00 pagi hingga 3.00 petang untuk memberi peluang kepada orang ramai dan para pelajar mengetahui dengan lebih lanjut mengenai SVW dan kursus-kursus yang ditawarkan bagi pengambilan tahun 2014.

Beberapa aktiviti seperti jualan hasil ternakan, tanaman, makanan dan minuman

yang diproses oleh pelajar-pelajar, *buggy ride*, *ATV ride*, *reptile house*, *horse riding*, pertunjukan kereta-kereta tahan lasak dan *retro*, *radio controlled aeromodelless Brunei* dan promosi kesihatan juga akan diadakan untuk memeriahkan hari terbuka tersebut.

Sebanyak 10 kursus akan ditawarkan di peringkat Diploma dan Sijil Kemahiran bagi pengambilan tahun ini iaitu BDTEV Diploma dalam Sains Pertanian; BDTEV Diploma dalam

Pertanian dan Perikanan; BDTEV Diploma Bagi Teknisyen Farmasi; BDTEV Diploma dalam Bidang Sains, BDTEV Diploma dalam Bidang Sains Haiwan; BDTEVEC Sijil Kemahiran 3 dalam bidang Pengurusan Ikan; BDTEV Sijil Kemahiran 3 dalam Sains Hotikultur; BDTEV Sijil Kemahiran 2 dalam Pengeluaran Tanaman; BDTEV Sijil Kemahiran 2 dalam Pengurusan Ikan dan BDTEV Sijil Kemahiran 2 dalam Pemprosesan

Makanan.

Permohonan untuk kemasukan bagi pengambilan tahun 2014 boleh dibuat melalui TVCAS (Technical and Vocational Educational Central Admission System) mulai 22 Februari 2014 hingga 3 April di laman sesawang <http://www.dte.edu.bn/tvcas>.

Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut boleh menghubungi pihak sekolah di talian 2683200 semasa waktu pejabat.

Kementerian Pembangunan muncul juara

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid, Md. Khairulanwar Idris
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 Mac. - Kementerian Pembangunan muncul juara Kategori Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan pada Perbarisan dan Perarakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Kebangsaan tahun ini dengan menerima wang tunai sebanyak BND5,000.

Johan Kategori Sekolah / Menengah / Arab / Maktab / Institut Pengajian Tinggi / Swasta pula disandang oleh Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah dengan menerima wang tunai sebanyak BND7,500; sementara Kategori Sekolah Rendah / Ugama / Persediaan Arab / Swasta dijuarai oleh Sekolah Arab Sungai Akar dengan menerima wang tunai sebanyak BND5,000.

Kategori Mukim / Kampung / Majlis Perundingan Mukim dan Majlis Perundingan Kampung (MPMK) / Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid pula dijuarai oleh Majlis Perundingan Kampung dan Ahli Jawatankuasa

Takmir Masjid Kampung Kapok yang juga menerima wang tunai sebanyak BND5,000.

Johan bagi Kategori Persatuan-Persatuan dan Sektor Swasta diraih oleh Telekom Brunei (TelBru) Sendirian Berhad dengan menerima wang tunai sebanyak BND3,500.

Semua pemenang juga membawa bersama piala iringan dan sijil penyertaan.

Hadiah-hadiah kepada semua pemenang diserahkan petang tadi pada Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Perbarisan dan Perarakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Bagi Tahun 1435 Hijriah yang dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dalam majlis yang berlangsung di Dewan Persidangan, Pusat Da'wah Islamiah, KHEU, Kampung Pulaie, Berakas, di sini,

Hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan hadiah kepada para

pemenang ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman.

Juga hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, pengarah-pengarah, penolong-penolong pengarah, pegawai-pegawai kanan di KHEU, ketua-ketua pasukan perbarisan dan perarakan serta hakim pertandingan berkenaan.

Perbarisan dan Perarakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Bagi Tahun 1435 Hijriah yang bertemakan 'Rasullullah Pembawa Rahmat Sejagat' disertai oleh 143 pasukan dengan keramaian 17,510 peserta yang mengambil bahagian mengikut kategori masing-masing.

Ketua Bahagian Kemajuan Syi'ar Islam, KHEU, Awang Haji Idris bin Haji Aji yang juga selaku Pengerusi Bersama Majlis Penyampaian Hadiah dan Pertandingan Perbarisan dan Perarakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara tahun ini



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman menyampaikan hadiah kepada ketua pasukan.

dalam kata alu-aluannya menyentuh mengenai tujuan utama adalah bagi memperlihatkan rasa kecintaan dan menanamkan rasa kasih kita kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan membina lagi

perbarisan dan perarakan supaya lebih teratur melalui pakaian yang kemas, sepanduk yang sentiasa dijulang dan berserta laungan salawat yang indah didengar sebagai tanda kesetiaan kita kepada Baginda.

PROGRAM RAKAN MUSAAID

Tingkatkan perkhidmatan kaunseling JPA

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Masri Osman

RIMBA, Isnin, 3 Mac. - Disiplin kerja, kedatangan, sikap tidak bekerjasama, persekitaran kerja, keberadaan dan sebagainya adalah isu yang membolehkan hasil atau mutu kerja menjadi lemah dan menurun.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Awang Jaini bin Haji Abdullah menggariskan perkara itu semasa berucap pada Majlis Jerayawara Program Rakan Musaaid Perkhidmatan Awam, berlangsung di Dewan Pencapaian, Institut Perkhidmatan Awam, Rimba, di sini.

Menurutnya, isu ini jika tidak ditangani lebih awal atau secara proaktif, ia akan menjejaskan produktiviti pegawai dan suasana kerja yang kurang kondusif dalam kalangan sesebuah organisasi.

Ke arah ini, jelasnya, pihak Jabatan

Perkhidmatan Awam (JPA) melalui Bahagian Kaunseling merancang akan mengambil beberapa pendekatan dengan memperkenalkan salah satu program pendidikan dan pencegahan iaitu Program Rakan Musaaid.

"Musaaid adalah perkataan bahasa Arab yang bermaksud 'yang membantu'. Dan konteks ini ianya ada kaitan dengan peranan dan tanggungjawab ketua-ketua bahagian dalam memastikan kebijakan pegawai kerajaan di bawah tanggungjawab mereka diberikan perhatian sewajarnya," tegasnya.

Jelasnya, objektif utama program ini bertujuan untuk mempertingkatkan perkhidmatan kaunseling kepada warga Perkhidmatan Awam dengan efisien dan tulus dan akan dijalankan selama dua minggu dipenuhi dengan

modul khusus mengenai perkhidmatan kaunseling, teknik kemahiran kaunseling, kaedah-kaedah tertentu dan pendedahan kepada pelbagai kaunseling.

Tambahnya, peserta program akan menjalani praktikal kaunseling sebagai latihan intensif untuk mempraktikkan teknik kaunseling yang mereka telah pelajari.

Setiap ketua jabatan, katanya, akan memainkan peranan penting dalam memastikan pemilihan calon bagi program ini dan menepati kriteria yang bersesuaian bagi seseorang untuk rakan musaaid.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah diikuti taklimat mengenai program disampaikan oleh Pemangku Pengarah Perkhidmatan Kaunseling, Awang Mohammad Murad bin Haji Paijan.

Antara sasaran program ini adalah bagi kumpulan warga kerja di dalam Bahagian Dua ke atas kerana sebagai pengurus pertengahan dan eksekutif,



KETUA Pengarah Perkhidmatan Awam, Awang Jaini bin Haji Abdullah semasa hadir pada Jerayawara Program Rakan Musaaid Perkhidmatan Awam, di Dewan Pencapaian, Institut Perkhidmatan Awam Rimba.

mereka memainkan peranan penting dalam kepimpinan, pengurusan diri dan organisasi.

Program ini akan membantu memupuk nilai-nilai teras yang diperlukan oleh seseorang warga Perkhidmatan Awam dalam pengurusan kerja seperti kejujuran,

disiplin, keazaman, kesaksamaan dan pemedulian.

Ia akan diadakan sebanyak dua kali iaitu pada bulan April dan September melibatkan semua kementerian kerajaan untuk membolehkan mereka menjadi sumber rujukan bagi Bahagian Perkhidmatan Kaunseling.

JHEM bincang mutu pengajaran Al-Qur'an

Berita dan Foto : Ihsan JHEM

MUARA, Sabtu, 1 Mac. - Masjid merupakan tempat ibadah bagi umat Islam untuk mengerjakan solat, berzikir dan dijadikan tempat untuk mengembangkan ilmu bagi umat Islam.

Masjid juga mempunyai peranan yang penting bagi banyak kegiatan belajar dan mengajar yang dilakukan di dalamnya antaranya ialah Kelas Al-Qur'an dan Muqaddam.



PARA guru penghubung Kelas Al-Qur'an dan Muqaddam Seluruh Negara yang hadir pada perjumpaan tersebut.

Sehubungan itu, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengadakan perjumpaan antara Pengarah Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan Guru Penghubung Kelas Al-Qur'an dan Muqaddam Seluruh Negara.

Hadir pada perjumpaan tersebut yang diadakan di Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop, di sini ialah Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Juga hadir, ketua-ketua bahagian dan pegawai serta kakitangan dari JHEM dan para guru penghubung Kelas Al-Qur'an dan Muqaddam Seluruh Negara.

Antara tujuan utama perjumpaan seumpama itu diadakan adalah sebagai aktiviti tahunan JHEM untuk merapatkan lagi hubungan silaturrahim dan beramah mesra di kalangan pegawai serta kakitangan.

Selain itu, ia adalah untuk memberikan taklimat dan nasihat agar pegawai dan kakitangan yang berkenaan akan terus memberikan khidmat yang terbaik kepada masyarakat amnya dan kepada jabatan khususnya.

Selain itu, perjumpaan tersebut juga adalah untuk mengulang kaji mengenai panduan kelas, mendengar permasalahan yang dihadapi, berbincang untuk mencari jalan penyelesaian, bertukar-tukar fikiran dan pandangan bagi menambah baik lagi mutu pengajaran, pengawal seliaan murid dan guru serta berusaha ke arah melahirkan murid cemerlang dalam bidang pembacaan Al-Qur'an dan secara tidak langsung membuahkan generasi yang celik membaca Al-Qur'an seperti yang diharapkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



PEMANGKU Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri semasa hadir pada perjumpaan tersebut.

Acara terdahulu dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah yang dipimpin oleh Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Tamin dari Unit Kelas Al-Qur'an dan Muqaddam, Bahagian Imarah, JHEM.

Setelah itu acara diteruskan dengan ucapan dari Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid dan kemudian diikuti dengan sesi penerangan mengenai tugas guru penghubung dan diselajurkan dengan sesi soal jawab.

Bagi memberkati majlis, bacaan doa selamat telah dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pengiran Haji Hafizuddin bin Pengiran Haji Bakar.

Program BCTA pupuk belia berwawasan

Oleh : Nooratini Haji Abas, Abdul Taib Haji Jais
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 Februari. - Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam yang dikecapi hari ini adalah nikmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala merupakan satu amanah yang perlu ditanai dan dihargai dengan sebaik-sebaiknya.

Oleh itu, erti kemerdekaan itu hendaklah dihayati di dalam hati sanubari kerana kita adalah pewaris bangsa dan negara ini serta peneraju bangsa hari ini dan esok.

Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman menekankan demikian pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Program Belia Cinta Tanah Air (BCTA) Ke-9, Tahun 2014 yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan

Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Menurut Yang Mulia Datin Paduka, erti kemerdekaan itu juga bersesuaian dengan tema Hari Kebangsaan Ke-30 Negara Brunei Darussalam bagi tahun 2014 iaitu 'Generasi Berwawasan' yang mana ianya meliputi semua lapisan masyarakat dan semua peringkat generasi.

“Kita semua perlulah menanamkan semangat dan kefahaman mengenai kepentingan peranan masing-masing ke arah mencapai matlamat wawasan negara. Apatah lagi, sebagai penerus kepada kepimpinan di masa hadapan maka generasi baru atau generasi belia adalah lebih utama untuk memainkan peranan ini”.

“Perpaduan dan integrasi di semua peringkat dan lapisan

masyarakat dan generasi ini sudah setentunya akan dapat membuahkan hasil yang baik,” jelasnya.

Melalui penyertaan dalam program tersebut, katanya, para belia telah diberikan pendedahan dan peluang untuk lebih menghayati dan menghargai erti sebuah kemerdekaan serta meningkatkan semangat kemerdekaan dan cinta kepada negara.

“Program ini sudah setentunya membawa makna yang tersendiri bukan sahaja kepada negara bahkan yang lebih penting kepada belia-belia dan semua pihak yang terlibat di dalam menjayakan Program BCTA,” ujarnya.

Seterusnya, Yang Mulia Datin Paduka juga menyatakan bahawa program tersebut menuntut kepada pengorbanan masa dan tenaga dan tidak ketinggalan juga komitmen yang tinggi, disiplin, kecekalan mental dan fizikal dan rasa

cinta yang amat mendalam terhadap tanah air yang dicintai.

Justeru itu, belia yang kita harapkan terangnya, adalah belia yang berjiwa besar, yang cekal, yang bersemangat waja serta berani menyahut apa jua cabaran yang mendatang.

Ini kerana, katanya, Program BCTA tersebut amat bersesuaian dengan matlamat dan dasar belia negara iaitu ke arah memupuk dan mewujudkan belia yang dinamik, cergas, patriotik, berakhlak tinggi, mempunyai peri kemanusiaan dan berwawasan.

Belia yang mempunyai nilai-nilai murni inilah tambahnya, yang diperlukan bagi menjamin masa depan negara dan memastikan bahawa tanah air yang kita cintai ini akan terus berkembang dan mencapai kemajuan.

Selain itu, belia yang cinta kepada tanah airnya juga menurutnya adalah belia



PEMANGKU Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman selaku tetamu kehormat semasa menyampaikan ucapan penutup Program Belia Cinta Tanah Air Ke-9.

harapan dan belia yang berwawasan. Rasa kecintaan dan semangat patriotisme yang tinggi terhadap negara dan

tanah air akan dapat menjadi benteng yang kukuh ke arah sebuah negara yang berdaulat dan merdeka.

200 peserta Program BCTA terima sijil



PEMANGKU Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman selaku tetamu kehormat semasa menyampaikan sijil penghargaan kepada wakil peserta Program BCTA dari Daerah Belait.

Oleh : Nooratini Haji Abas,
Abdul Taib Haji Jais
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 Februari. - Program Belia Cinta Tanah Air (BCTA) Kali Ke-9, Tahun 2014 berakhir hari ini dengan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Seramai 200 belia dari seluruh daerah menyertai Program BCTA yang bermula pada 9 Februari yang lalu.

Penyampaian sijil kepada wakil peserta Program BCTA disempurnakan oleh Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman, selaku tetamu kehormat.

Sejurus itu, tetamu kehormat menyempurnakan sijil penghargaan kepada Ahli Jawatankuasa Pelaksana Mukim dan Kampung di keempat-empat daerah berkenaan terdiri dari Awang Haji Bakar bin Mansor di Daerah Brunei dan Muara, Dr. Abd. Nasir bin Haji Abd. Rani dari Daerah Tutong, sementara Daerah Temburong diwakili oleh Awang Haji Abdurrahman bin Haji Nasir dan Dr. Haji Mohd. Shah bin Haji Ahmad mewakili Daerah Belait.

Terdahulu majlis petang itu dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan doa selamat dipimpin oleh Lepas Mahasiswa Kolej

Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Ahmad Syu'jaie bin Mudim Haji Matassim.

Pada majlis tersebut, Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Abdul Malik bin Haji Mohammad, selaku Pengerusi Majlis tersebut dalam ucapannya berkata, Program BCTA mula dilaksanakan pada tahun 2005, yang mana sepanjang perjalanan program itu dijalankan sehingga ke tahun ini, ia telah mendapat respons yang baik daripada pelbagai agensi dan khususnya daripada para belia.

“Program ini memuatkan pelbagai kegiatan antaranya khidmat sukarelawan, aktiviti kenegaraan iaitu Perarakan Bendera Negara Brunei Darussalam serta menyertai Perbarisan Lalu Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, aktiviti keagamaan, kebudayaan dan sosial,” jelasnya.

Melalui program tersebut, beliau berharap para peserta program akan dapat menghayati dan mempraktikkan bagi tujuan pembangunan dan ‘milestone’ pencapaian para peserta.

Dengan adanya program yang diadakan itu akan dapat meningkatkan lagi semangat kenegaraan dan kekitaan di kalangan belia dan masyarakat, di samping untuk meningkatkan lagi nilai-nilai hidup bermasyarakat, beragama, bernegara serta berpersatuan.

Pada masa yang sama, ia juga akan dapat membangunkan kecergasan jasmani dan kemantapan rohani belia-belia supaya menjadi tabah serta berfikiran luas dan terbuka.

Hayati, hormati Lagu Kebangsaan, Bendera Negara

Oleh : Nooratini Haji Abas,
Abdul Taib Haji Jais
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

KUALA BELAIT, Sabtu, 1 Mac. - Bendera rasmi dan lagu kebangsaan perlu dihayati, dihormati dan dipelihara kerana ia melambangkan perpaduan dan kedaulatan sesebuah bangsa dan negara.

Bagi menyemai semangat patriotik kepada generasi muda yang merupakan tonggak penerus bangsa dan negara, Jabatan Penerangan melalui Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Belait telah berkunjung ke Sekolah Rendah Kuala Belait bagi menyampaikan Taklimat Kenegaraan kepada murid-murid di sekolah itu.

Taklimat Kenegaraan mengenai ‘Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara’ telah disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Jabatan Penerangan Cawangan Belait, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar.

Dalam taklimat ‘Menghayati Lagu Kebangsaan’, Awang Hasanul telah menghuraikan dengan jelas mengenai definisi lagu kebangsaan ‘Allah Peliharakan Sultan’, tujuan dan fungsi lagu kebangsaan, bagaimana peraturan menyanyikan lagu kebangsaan dan senikata lagu kebangsaan.

Beliau berkata, selaku rakyat dan penduduk negara ini, kita harus menghormati lagu kebangsaan dan bendera negara yang merupakan simbol dan identifikasi teragung rakyat dan negara.

Beliau menambah, setiap sekolah menyanyikan lagu kebangsaan setiap pagi sebelum memulakan pembelajaran bertujuan supaya mendidik warga sekolah termasuk murid-murid dan guru-guru untuk menghayati lirik dan senikata lagu tersebut yang berunsur doa kepada Allah supaya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dilanjutkan usia dan kekal qarar memerintah negara dengan adil serta rakyat hidup aman sentosa dalam naungan pemerintahan baginda.

“Bayangkanlah berapa ramai orang yang melafazkannya. Setiap pagi sentiasa kedengaran lagu yang berunsurkan doa kesejahteraan dan memohon perlindungan dari Allah supaya Brunei Darussalam kekal aman,” ungkap beliau.

Taklimat Kenegaraan adalah bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan menanamkan semangat patriotik kepada murid-murid mengenai bendera dan lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Selain mendengar taklimat, murid-murid juga berpeluang menyaksikan tayangan klip video ‘Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara’ dan mereka juga berpeluang menyertai kuiz menguji minda dan pelbagai aktiviti kenegaraan.

Penyelia Kanan Daerah Sekolah-sekolah, Awang Abd. Malik bin Simpok hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan hadiah kepada murid-murid yang memenangi peraduan kuiz.

Antara yang hadir termasuk Guru Besar, Awang Ahmad Sarkawe bin Haji Pungut, Pegawai Penerangan, Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Belait, Dayangku Nasibahanim binti Pengiran Haji Bakar, Penolong Guru Besar, Dayang Risrani binti Haji Abd. Halim, Pegawai Pendidikan/ Pegawai Perbantuan Jabatan Sekolah-Sekolah Daerah Belait, Awang Haji Kadri bin Haji Yusof dan guru-guru serta murid-murid sekolah itu serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Pada majlis tersebut, Ketua Penerangan Daerah Belait telah menyampaikan cenderahati dan menyerahkan bahan-bahan terbitan Jabatan Penerangan kepada Guru Besar.



PEGAWAI Penerangan, Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Belait, Dayangku Nasibahanim binti Pengiran Haji Bakar menyampaikan cenderahati dan menyerahkan bahan-bahan terbitan Jabatan Penerangan kepada Guru Besar Sekolah Rendah Kuala Belait.

Dapatkan kebenaran bertulis dari MUIB



HADIR pada taklimat tersebut ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman.

TUNGKU LINK, Selasa, 4 Mac. - Mana-mana badan atau orang perseorangan yang berhasrat untuk mengajar sesuatu perkara yang berkaitan dengan agama Islam hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis daripada Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), selaku badan yang bertanggungjawab mengenai perkara berhubung dengan agama Islam di Negara Brunei Darussalam.

Oleh itu, jika didapati seseorang yang mengajar agama Islam tanpa kebenaran adalah dianggap melakukan suatu kesalahan dan jika sabit b oleh dihukum denda tidak melebihi BND8,000 atau dipenjara tidak melebihi tempoh dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Perkara itu disentuh dalam taklimat mengenai peruntukan 'mengajar agama tanpa kebenaran bertulis' di bawah Bab 229 Perintah Kanun

Oleh : Nooratini Haji Abas, Mohammad Husaif Ramle
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Hukuman Jenayah Syar'iah 2013 bagi pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan dan jabatan-jabatan di bawahnya, bertempat di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

Hadir pada taklimat tersebut ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman.

Taklimat diadakan selama tiga hari bermula hari ini disampaikan oleh lima ahli panel undangan iaitu terdiri daripada Timbalan Pendakwa Syarie, Unit Perundangan Islam (UPI), Dayang Hajah Safa Safiyah binti Haji Gharif; Penasihat Undang-Undang, Pejabat Peguam Negara, Awang Haji Afif Daraina bin Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin; Pegawai Perundangan Syariah, UPI, Dayang Hardiyatie binti Kahar; Ketua Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Awang Haji Saharuddin Haji Petra dan Ketua Pegawai Istinbat, Jabatan Mufti Kerajaan, Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin.

Peruntukan ini bermaksud untuk memastikan hanya orang-orang yang memenuhi kelayakan sahaja diberi kebenaran untuk mengajar agama Islam yang bertujuan bagi menjamin pengajaran agama Islam di negara ini dibuat selaras dengan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah dengan mengekang penyebaran ajaran-ajaran yang bertentangan dengan agama Islam.

Ia juga bagi menghindarkan masyarakat Islam daripada terdedah kepada anasir-anasir negatif melalui cubaan-cubaan pihak yang tidak bertanggungjawab dalam menyebarkan ajaran-ajaran *extremist* atau *liberal*.

Walau bagaimanapun, ahli panel menjelaskan bahawa terdapat beberapa orang yang dikecualikan daripada pengenalan bab tersebut iaitu antaranya ahli atau pegawai jawatankuasa atau setiausaha majlis atau mana-mana pegawai mahkamah atau pegawai agama, guru agama, imam, bilal, pegawai penguat kuasa agama atau mana-mana orang yang dilantik dengan sah untuk tujuan

mengajar agama.

Selain itu, ahli panel juga menerangkan bahawa mengajar agama Islam kepada ahli keluarga di dalam kediaman sendiri adalah tidak menjadi suatu kesalahan.

Taklimat itu dianjurkan oleh Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang bertujuan untuk membarigakan kepada seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam tentang isi kandungan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah 2013 berkenaan.

Dengan adanya taklimat tersebut dihasratkan dapat mengelakkan kekeliruan, kekeliruan pemikiran dan kefahaman orang ramai khususnya warga Kementerian Pendidikan mengenai prosedur dan pelaksanaan undang-undang tersebut, di samping mempraktikkan konsep disiplin yang tinggi dan secara tidak langsung ia menjurus kepada islah dan tarbiah.

Taklimat seumpama ini juga akan dilartakan lagi kepada guru-guru dan kakitangan yang bertugas di institusi-institusi pendidikan di negara ini pada satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Turut hadir mengikuti sesi taklimat tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh.

Peratus lulus Bahasa Melayu menurun

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

SERIA, Jumaat, 28 Februari. - Beberapa tahun kebelakangan ini terdapat penurunan peratus lulus murid dalam subjek Bahasa Melayu.

Pencapaian peratus lulus subjek terabit, kedua terbaik selepas Melayu Islam Beraja dengan menghasilkan 95.88 peratus meliputi seramai 3,196 calon telah mendapat gred A dan B, penurunan peratus lulus secara keseluruhan berbanding tahun 2012.

Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (Rendah), Awang Haji Azis bin Nayan menyatakan peratus lulus pada tahun 2012 sebanyak 96.11 peratus manakala tahun lepas 95.88 peratus, menurun 0.23 peratus.

Walaupun penurunan tersebut, kata beliau dalam skala rendah,

namun mereka tidak boleh goyang kaki atau mengharap bulan jatuh ke riba sambil meletakkan harapan agar statistik tersebut berubah.

Awang Haji Azis mengungkap, faktor menyumbang penurunan peratus itu disebabkan antaranya calon menghadapi kesulitan semasa memilih tajuk karangan, kurang pengetahuan dari segi teknik penulisan karangan dan tidak mahir menghuraikan fakta dalam karangan.

Beliau selaku tetamu kehormat berucap demikian dalam majlis penyampaian sijil guru-guru Bahasa Melayu Rendah Atas yang telah mengikuti bengkel teknik mengajar karangan sekolah-sekolah rendah Daerah Belait di Dewan Intan, Sekolah Rendah Pengiran Setia Negara



PEMANGKU Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (Rendah), Awang Haji Azis bin Nayan, bergambar bersama guru-guru yang menyertai bengkel dan bahagian profesional Jawatankuasa Pemimpin-pemimpin Sekolah Daerah Belait (JAPSER).

Pengiran Mohd. Yusof, di sini.

Beliau berharap apa juga ilmu yang diperolehi dari bengkel itu tidak ditinggalkan begitu sahaja. "Perkongsian tersebut mestilah diserapkan atau diimplimentasikan dalam bilik darjah agar objektif bengkel mencapai matlamatnya," ungkap beliau.

Bengkel merupakan salah satu program bahagian profesional Jawatankuasa Pemimpin-pemimpin Sekolah Daerah Belait (JAPSER) untuk meningkatkan dan memperkembangkan ilmu dan kemahiran guru di dalam mengajar

karangan.

Bengkel melibatkan 29 guru Bahasa Melayu Rendah Atas daripada empat kawasan dari 15 buah sekolah Daerah Belait bermula dari 27 Januari merangkumi enam sesi bengkel yang mendedahkan teknik pengajaran karangan kepada guru-guru dan berkongsi cara menilai karangan serta mendedahkan guru-guru dengan istilah yang betul dalam penulisan objektif pengajaran.

Sementara itu Pengerusi bengkel, Dayang Hajah Maria binti Abdullah menyatakan mengajar subjek Bahasa Melayu bukan sesuatu yang

mudah seperti yang disangkakan oleh sebahagian orang.

"Untuk mengajar subjek berkenaan, seorang guru bahasa mestilah mempunyai prestasi bahasa yang baik," ungkap beliau.

Beliau menjelaskan, prestasi bahasa bermaksud, pengetahuan guru mengenai rumus bahasa, yang meliputi morfologi dan sintaksis mestilah mendampingi guru-guru yang bukan dalam kalangan berkenaan. Ini termasuk teknik menulis karangan yang benar-benar menepati maksud penulisan perenggan pendahuluan, isi dan penutup.

Mengembangkan potensi kepimpinan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 26 Februari. - Bengkel Perkembangan Kepimpinan Bagi Pentadbir Pertengahan Kluster Empat anjuran Kementerian Pendidikan telah banyak memfokuskan kepada kemahiran kepimpinan kepada para peserta.

Bengkel berkenaan diadakan untuk pentadbiran pertengahan dalam membantu mengembangkan potensi kepimpinan para peserta dan memberikan pendedahan dalam bidang kepimpinan dan pengurusan yang lebih bersestematik dan efektif.

Pengetua Sekolah Menengah Sayyidina Othman Tutong, Dayang Hamidah binti Haji Daud menjelaskan bengkel itu akan memperkayakan lagi 'talent pool' sekolah-sekolah Kluster 4 dalam mendukung program 'succession planning' yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh Jabatan Sekolah-Sekolah.

Pemangku Penolong Pengarah (Bahagian Menengah), Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid, Norrasidah Jumat
Foto : Ihsan

Pendidikan, Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Haji Ahmad hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil-sijil penghargaan kepada para peserta pada Majlis Penutup Bengkel tersebut di Dewan Utama, Bangunan Baru, Kementerian Pendidikan.

Bengkel telah diperisikan dengan pengurusan dan kepimpinan iaitu Kepimpinan Pengajar, Kepimpinan Masyarakat, Kepimpinan dan Perubahan, Reka Bentuk Pemikiran, Membangunkan Masyarakat melalui Pembangunan Profesional, Kepimpinan Komuniti dan Eko Sekolah.

Setiap kumpulan akan memfokuskan ke salah satu aspek bagi pembaikan lanjut dengan menggunakan kaedah serta alat yang

telah dipelajari semasa bengkel yang seterusnya dibentangkan oleh setiap kumpulan peserta yang telah sama-sama menunduki pelan tindakan sekolah dan berbilang dengan bahagian pentadbiran sekolah masing-masing sebagai tindakan susulan.

Dayang Hamidah menambah bengkel berkenaan memberi peluang kepada peserta-peserta untuk mengembangkan kolaborasi serta *network* di antara sekolah-sekolah berlainan melalui Insya-Allah Google Doc yang dijadikan sebagai platform forum untuk mengikuti perkembangan aktiviti lanjutan dari pelan tindakan yang telah dibentangkan.

"Hal ini, secara tidak langsung dapat mewujudkan budaya kerjasama yang akan menjurus kepada sebuah



PEMANGKU Penolong Pengarah (Bahagian Menengah), Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Haji Ahmad semasa menghadiri Majlis Penutup Bengkel berkenaan.

profesional pembelajaran komuniti yang dapat memberi manfaat kepada semua warga sekolah yang terlibat," ujarnya.

Turut hadir Ketua Kluster 4, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman, fasilitator-fasilitator

jemputan yang terdiri daripada pengetua-pengetua dan timbalan-timbalan pengetua yang diketuai oleh Cikgu Pengiran Hajah Mashayu binti Pengiran Haji Yusop, Ahli Jawatankuasa Kluster 4, para peserta, pegawai-pegawai dan guru-guru.

Tujuh peratus gangguan mental membelenggu warga emas

Berita dan Foto: Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Sabtu, 1 Mac. - Warga emas merupakan aset negara yang penting, tanpa warga emas, tidak akan lahir generasi baru, oleh itu rakyat negara ini perlu bersikap positif kepada mereka ini.

Masalah gangguan mental yang sering dialami oleh warga emas meliputi kemurungan dan nyanyuk.

Kemurungan dianggarkan sebanyak tujuh peratus dan mereka yang menjangkau pada usia emas akan mengalami kemurungan tetapi kekerapan penyakit ini boleh meningkat dengan adanya penyakit-penyakit kronik fizikal yang lain.

“Jika keadaan murung ini berterusan, ia boleh mengakibatkan gangguan sosial harian,” ungkap Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Kesihatan, Dayang Hajah Siti Mariam binti Haji Mohd. Jaafar.

Dayang Hajah Siti Mariam selaku tetamu kehormat pada Majlis Forum Kesihatan Mental bagi Daerah Belait 2014 yang bertema ‘Kesihatan Mental Di Kalangan Warga Emas’ sempena Hari Kesihatan Mental Sedunia menyatakan salah satu tindakan yang akan dan telah diambil di seluruh dunia dengan menyebarkan kepada masyarakat umum maklumat tentang penyakit kemurungan : ciri-cirinya; sebab-sebabnya; kesan dan impaknya serta rawatan dan pemulihan yang perlu dilakukan bagi membantu pesakit dan keluarganya.

Bagaimanapun, penyakit kemurungan, kata beliau, boleh dirawat dengan berkesan di klinik-klinik kerajaan oleh doktor-doktor perubatan dan rawatan perlu diberikan kepada pesakit seawal yang mungkin.

“Lebih awal rawatan dimulakan, lebih baik kesan dan pemulihannya, sama ada dari segi jangka panjang ataupun jangka pendek,” ujar beliau pada majlis yang diadakan di Dewan Kuliah Pusat Pembelajaran dan Perkembangan, Hospital Suri Seri Begawan (HSSB), di sini.

Selain itu juga, mengamalkan cara hidup yang sihat seperti menjaga pemakanan dan melakukan senaman bagi mengelakkan penyakit-peyakit kronik seperti penyakit darah tinggi, kencing manis, serangan jantung dan strok.

Beliau menegaskan, seorang individu harus berusaha bagi mengelakkan masalah yang boleh menyebabkan tekanan mental yang boleh mencetuskan kemurungan tetapi jika sekiranya musibah atau masalah datang juga, selain dari ketagwaan, sokongan dan bantuan keluarga amat membantu seseorang individu untuk menanganinya.

Sementara itu, nyanyuk pula, kata beliau, sejenis penyakit otak yang progresif yang boleh membawa kepada penurunan dalam menjalankan aktiviti harian dan boleh menyebabkan pesakit memerlukan penjagaan masa panjang.

Menurut beliau, penyakit nyanyuk menjejaskan sehingga lima peratus pada usia warga emas dan menjadi lebih ketara dengan peningkatan umur.

telah menyampaikan sijil kepada warga emas yang pernah berkhidmat di hospital tersebut dan seterusnya mendengar forum yang membincangkan ‘Kesihatan Mental Di Kalangan Warga Emas’ disampaikan oleh empat ahli panel.

Tetamu kehormat kemudian merasmikan pameran 41 tahun Perkhidmatan Unit Psikiatrik dan HSSB (Cahaya Sejahtera).

Forum anjuran bersama Unit Psikiatri dan HSSB merupakan kesinambungan daripada Program Forum Kesihatan Mental sempena Hari Kesihatan Mental Sedunia 2013, yang memfokuskan kepada warga emas dan kesihatan mental, cara-cara berhadapan untuk mengatasi nyanyuk, kemurungan dan masalah-masalah kesihatan mental yang berkaitan dengan golongan berusia.

Kata beliau lagi, dianggarkan lebih kurang 20 peratus daripada orang yang berusia dari 80 ke atas akan menghadapi nyanyuk dan bagi mereka yang telah mempunyai penyakit mental sejak awal kehidupan mereka, akan terus mengalami penyakit-penyakit itu pada usia emas mereka.

“Proses penuaan akan menjadi pengalaman yang menggembirakan jika keperluan-keperluan fizikal, prikologi dan sosial dipenuhi. Sekiranya keperluan kesihatan mental tidak dipenuhi, ini akan mengakibatkan masalah kesihatan mental kepada warga emas,” ujar beliau.

Pada majlis itu, tetamu kehormat



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Kesihatan, Dayang Hajah Siti Mariam binti Haji Mohd. Jaafar menyampaikan sijil kepada **Awang Haji Mamat bin Hasbullah** pesara yang pernah berkhidmat di Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait.



AHLI-AHLI panel yang diundang di forum yang membincangkan ‘Kesihatan Mental Di Kalangan Warga Emas’.



ANTARA peserta yang menghadiri forum tersebut.

Perkhidmatan Talian (Quitline) Berhenti Merokok dilancarkan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Mac. - Bagi menyokong aspirasi negara iaitu ‘Ke Arah Negara Bebas Asap Rokok 2025’, Pusat Promosi Kesihatan (Health Promotion Centre), Kementerian Kesihatan, melancarkan fasa pertama ‘Talian Berhenti Merokok’ (Quitline).

Menurut perangkaan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), 90 peratus kes kanser paru-paru, 75 peratus kes bronkitis kronik serta emfisema dan 25 peratus daripada penyakit jantung iskemia (serangan jantung dan angin) adalah disebabkan oleh asap rokok.

Di Negara Brunei Darussalam pula, asap rokok telah dikaitkan dengan punca-punca utama kematian di negara ini terutamanya penyakit kanser.

Sementara, Perintah Tembakau 2005 dan Peraturan-peraturannya (2007), telah melarang merokok di kebanyakan tempat-tempat awam dan ianya juga telah menggalakkan sebilangan besar perokok di Negara Brunei Darussalam untuk berhenti merokok.

Kajian yang dijalankan terhadap bekas perokok-perokok di negara-negara lain juga telah menunjukkan bahawa kebanyakan perokok akan mencuba untuk berhenti merokok seberapa banyak kali sebelum akhirnya berjaya membebaskan diri daripada ketagihan ini.

Perkhidmatan Klinik Berhenti Merokok, yang baru-baru ini diselenggarakan di bawah pengurusan Pusat Promosi Kesihatan, kini sedang giat menyediakan bantuan dan intervensi-intervensi yang berkesan untuk semua perokok yang ingin berhenti merokok. Talian Quitline adalah salah satu perkhidmatan yang telah diperluaskan di bawah Perkhidmatan Klinik Berhenti Merokok tersebut.

Matlamatnya ialah untuk menggalakkan perokok-perokok berhenti merokok dengan menggunakan perkhidmatan bertelefon yang mesra, profesional dan tidak ‘judgemental’, memudahkan akses kepada Klinik Berhenti Merokok bagi terapi yang lebih intensif, menyokong bekas perokok dan membantu mereka mengelak dari ‘relaps’ (kembali ke tabiat lama) selepas berjaya berhenti merokok dan melindungi mereka yang tidak merokok daripada asap rokok melalui pendidikan dan bantuan berasaskan perkhidmatan bertelefon.

Tarikh pelancaran hari ini, telah dipilih untuk memberikan masa untuk melatih kakitangan-kakitangan yang akan mengendalikan Quitline dalam amalan-amalan dan teknik-teknik terbaik di peringkat antarabangsa untuk berhenti merokok melalui perkhidmatan bertelefon, dan juga kerana ianya adalah selaras dengan rancangan perkembangan Perkhidmatan Klinik Berhenti Merokok di Negara Brunei Darussalam.

Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam berhasrat melalui perkhidmatan baru ini, perokok-perokok akan dapat diperkasa dalam menggunakan perkhidmatan ini bagi mengatasi ketagihan merokok mereka.

Pihak Kementerian juga mengingatkan perokok-perokok yang ingin berhenti merokok bahawa banyak kajian telah menunjukkan perokok menghentikan tabiat merokok mereka akan mendapat manfaat kesihatan sejurus sahaja selepas berhenti merokok, manakala mana-mana bekas perokok yang berhenti merokok selama sepuluh tahun akan menurunkan risiko kanser mereka ke hampir normal.

Dengan itu, pihak Kementerian Kesihatan mengalu-alukan perokok-perokok untuk menggunakan perkhidmatan ini untuk memulakan kehidupan tanpa rokok.



PUSAT Promosi Kesihatan (Health Promotion Centre), Kementerian Kesihatan melancarkan fasa pertama ‘Talian Berhenti Merokok’ (Quitline).

Usaha diteruskan jadikan negara pro-busines

Laporan : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Hernie Suliana Haji Othman, Muhammad Asri Haji Awang Abas



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, Kerajaan baginda akan terus mengukuhkan stabiliti mikroekonomi melalui

perbelanjaan berhemah yang mengutamakan *value for money* dan *accountability*.

Baginda bertitah demikian, semasa berkenan berangkat menyempurnakan Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kespuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN), yang berlangsung di Bangunan Dewan Persidangan MMN, Dewan Majlis, di sini.

Titah baginda, usaha untuk mempelbagaikan aktiviti perekonomian juga adalah menjadi keutamaan negara dan untuk itu perkhidmatan awam perlulah melipatgandakan usaha bagi menjadikan negara ini pro-bisnes terutama untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana.

Terdahulu dalam titah baginda menyentuh tentang trend perniagaan dan perdagangan dunia hari ini, di mana para belia di negara sangatlah perlu meningkatkan diri dari segi kemahiran dan ilmu pengetahuan.

Dengan kemahiran serta pengetahuan yang tinggi titah baginda, Insya-Allah, mereka akan menjadi lagi lebih kreatif dan mampu untuk bersaing.

Titah baginda lagi, oleh itu perbincangan di dewan ini perlulah juga untuk turut memikirkan isu-isu strategik seperti ini.

"Dalam hal ini, beta gembira dengan usaha yang diambil oleh Kementerian Pendidikan dan agensi-agensi lain dalam kerajaan untuk meningkatkan lagi tahap literasi bisnes kepada para belia dan penuntut dengan menerapkan unsur-unsur *entrepreneurship* di dalam kurikulum pendidikan di negara ini. Memang sudah tiba masanya untuk negara melahirkan ramai lagi ahli perniagaan yang berjaya di kalangan anak-anak tempatan," titah baginda.

Baginda dalam titahnya juga menjelaskan, Negara Brunei Darussalam mempunyai *advantage* yang sangat unik dan *advantage* itu ialah dalam bentuk keamanan dan kesejahteraan yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita.

"Sewajarnya keamanan dan kesejahteraan itu terus

dipupuk dan dipelihara demi pembangunan. Kerana tanpa keamanan, pembangunan tidak akan dapat berjalan dengan lancar dan baik," titah baginda.

Titah baginda lagi, kita mustahak membangun tanpa semata-mata bergantung kepada hasil eksport minyak dan gas kita.

Baginda seterusnya bertitah, walaupun Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), meramalkan pertumbuhan ekonomi global yang lebih baik bagi tahun 2014, namun masih sahaja terdapat risiko yang boleh menjejaskan ekonomi di mana saja, tidak terkecuali negara-negara di rantau ini.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyempurnakan Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kespuluh Majlis Mesyuarat Negara.
- Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor (Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan didalam Laporan Khas)



Peruntukan tambahan BND1.65 bilion diperkenankan

Dari Muka 1

Bagaimanapun, tegas Kebawah DYMM, setiap perancangan itu adalah memerlukan pelaksanaan. Jika pelaksanaan itu tersasar atau tidak menepati jangka masa yang ditentukan maka puncanya hendaklah dikenal pasti dan difikirkan penyelesaiannya.

Sehubungan itu, baginda juga memaklumkan bagi memperkenalkan penubuhan satu unit baru di Jabatan Perdana Menteri yang berperanan bagi mengenal pasti bidang-bidang utama yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan melalui agensi-agensi tertentu.

Di samping itu, unit tersebut akan bekerjasama dengan agensi-agensi tersebut dalam merangka perancangan, memantau pelaksanaan dan juga menawarkan khidmat nasihat serta bantuan dari semasa ke semasa.

Dalam titah baginda juga, menyatakan kerajaan baginda telah pun menyediakan peruntukan sejumlah BND68 juta khusus bagi projek-projek metagasi banjir di kawasan-kawasan yang terjejas sebahagian rakyat dan penduduk di negara ini.

Di samping itu, titah baginda, peruntukan tambahan juga sebanyak BND35 juta telah disediakan bagi projek-projek membaiki pulih prasarana awam dan aset-aset kerajaan yang rosak akibat banjir dan tanah susur.



PELITA BRUNEI keluaran hari ini menerbitkan Laporan Khas Sempena Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kespuluh Majlis Mesyuarat Negara

Berkenan berangkat ke Majlis Sesi Bergambar Ramai bersama Pasukan Brunei DPMM FC



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Pengerusi Kelab Bola Sepak Brunei DPMM FC berkenan berangkat ke Majlis Sesi Bergambar Ramai bersama Pasukan Brunei DPMM FC.

Berita dan Foto : Hamdanajib Domeng

JERUDONG, Khamis, 6 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Pengerusi Kelab Bola Sepak Brunei DPMM FC berkenan berangkat ke Majlis Sesi Bergambar Ramai bersama Pasukan Brunei DPMM FC.

Juga berangkat ke majlis tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irsyad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim, Naib Pengerusi Kelab Bola Sepak Brunei DPMM FC.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh pengurusan Kelab Bola Sepak Brunei DPMM FC, dan seterusnya berkenan bergambar ramai bersama

Pasukan Brunei DPMM FC. Duli Yang Teramat Mulia kemudian berkenan beramah mesra bersama para pemain serta Ketua Jurulatih Brunei DPMM FC, Steve Kean dan seterusnya menyaksikan latihan pasukan Brunei DPMM FC.

Menurut Ketua Jurulatih Brunei DPMM FC, Steve Kean, Pasukan Brunei DPMM FC pada tahun ini adalah yang terbaik dan menjangka mampu memberi saingan terhadap pasukan lawan dan seterusnya mampu menjuarai kejohanan pada tahun ini.

Walau bagaimanapun jelasnya, Pasukan Brunei

DPMM FC masih banyak lagi ruang untuk diperbaiki serta memantapkan corak permainan memandangkan Liga S masih di peringkat awal.

Pada permulaan dua perlawanan yang lalu, Brunei DPMM FC telah pun mencatatkan dua kemenangan berturut-turut dengan menewaskan Albirex Niigata(s) FC, 1-0 dan Warriors FC, 2-0.

Perlawanan seterusnya di tempat lawan ialah pada 14 Mac bertemu Home United, manakala di tempat sendiri pada 23 Mac bertemu Tampines Rover.

BERSATU PADU MENDUKUNG PELAKSANAAN KANUN

دتریتکن اوله جباتن فئراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.